

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2023

**HARI SELASA : 7 MAC 2023**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 1, 2, 5, 11, 13 HINGGA NO. 52 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status pencapaian internet berkelajuan tinggi di Sabah yang sepatutnya negeri itu telah beralih kepada teknologi 5G.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meluaskan jalur lebar yang berkualiti dan capaian internet berkelajuan tinggi di Sabah termasuklah di kawasan pedalaman dan luar bandar, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) telah mempercepatkan penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui teknologi satelit yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023 di bawah JENDELA Fasa 2 (2023-2025) namun telah berjaya disiapkan sepenuhnya di bawah JENDELA Fasa 1 (2020-2022) pada tahun 2022 di mana keseluruhan 138 lokasi di Sabah telah siap dilaksanakan.

Setakat suku ketiga tahun 2022, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Wilayah Sabah telah meningkat kepada 88.06% berbanding 73.41% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020.

Selain itu, sebanyak 171,554 premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap, manakala baki sebanyak 79,611 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada 251,165 yang dirancang. Sebanyak 4,096 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G, manakala baki sebanyak 27 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada 4,123 yang dirancang. 159 menara baharu juga telah disiapkan dan kini dalam proses menyiapkan baki 455 menara daripada 614 menara yang dirancang. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

Selain itu, KKD juga turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik yang merupakan salah satu alternatif dalam memastikan jaringan dan liputan infrastruktur jalur lebar dapat diperluaskan ke kawasan sekitar sekolah dan berpenduduk dengan lebih baik. Pelaksanaan inisiatif ini akan menjadikan lokasi berhampiran sekolah luar bandar dan pedalaman sebagai hub untuk menyediakan infrastruktur jalur lebar gentian optik untuk kegunaan sekolah, kawasan perindustrian, premis-premis kerajaan berhampiran dan masyarakat sekelilingnya.

## **SOALAN NO : 1**

Secara khususnya, pelaksanaan PoP secara keseluruhan di Sabah adalah sebanyak 695 kawasan berhampiran sekolah dan daripada jumlah tersebut pula sebanyak 59 kawasan berhampiran sekolah luar bandar pada Fasa 1 dan bagi Fasa 2 pula ia akan merangkumi sebanyak 636 PoP.

Sehingga 10 Februari 2023, pelaksanaan PoP Fasa 1 di Sabah telah berjaya disempurnakan dengan penyediaan premis sebanyak 6,914 yang mana dari jumlah tersebut 2,411 telah dilanggan oleh penduduk sekitarnya. Perluasan jaringan komunikasi berteraskan gentian optik yang dilaksanakan di dalam projek PoP ini dapat membantu mempercepatkan penggunaan 5G di masa hadapan apabila projek ini siap kelak secara keseluruhannya.

Setakat 31 Disember 2022, sebanyak 231 tapak 5G telah siap dibangunkan oleh Digital Nasional Berhad (DNB) di Sabah. Dengan jumlah tersebut, ketersediaan rangkaian 5G di Sabah telah mencapai 27.9% populasi di dalam kawasan berpenduduk. Jumlah peratusan ini adalah termasuk tapak-tapak pemancar 5G yang telah diaktifkan oleh DNB tetapi belum boleh diakses pengguna (infrastruktur tersedia). Jika dilihat pada tapak 5G yang boleh diakses pengguna sahaja, ketersediaan perkhidmatan 5G berada pada 19.1% populasi di dalam kawasan berpenduduk.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG**  
**[ MARANG ]**  
**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [ MARANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mewujudkan sistem 'ombudsman' bagi menangani masalah salah laku dalam kalangan ahli politik dan penjawat awam termasuk pihak berkuasa.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini, di Malaysia, Biro Pengaduan Awam (BPA) merupakan agensi utama yang menguruskan aduan berhubung salah tadbir (*maladministration*) dalam perkhidmatan awam berdasarkan kepada Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2022 dengan hanya kekuatan jentera pentadbiran seramai 178 orang bagi menangani aduan perkhidmatan awam. Terdapat banyak cabaran dalam proses pengendalian aduan awam yang sedia ada melalui BPA, antaranya;

- (a) tiada perundangan yang khusus dengan kuasa-kuasa tertentu termasuk menyiasat sesuatu aduan;
- (b) agensi awam tidak ambil tindakan atau lambat mengambil tindakan terhadap aduan yang dikemukakan;
- (c) tindakan yang tidak adil oleh agensi awam terhadap aduan yang dikemukakan;
- (d) pemantauan aduan terhadap agensi awam yang longgar; dan
- (e) tiada cengkaman kuasa BPA ke atas agensi awam dalam menyelesaikan aduan yang dikemukakan.

2. Kerajaan sebelum ini telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Ombudsman Malaysia tanpa memperuntukkan apa-apa kuasa berkaitan penyiasatan dalam mengendalikan aduan berhubung salah tadbir. Keadaan ini menyebabkan cabaran sedia ada tidak dapat ditangani sepenuhnya, malah tidak membawa apa-apa perubahan yang ketara dalam pengendalian aduan berkenaan.

## NO. SOALAN : 2

3. Kerajaan Perpaduan komited dan berpegang kepada prinsip asas bahawa Ombudsman adalah satu badan bebas (*independent*) yang wajar mengamalkan konsep tidak memihak (*impartial*) dalam menyiasat apa-apa aduan yang disalurkan oleh orang awam terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam dengan prosedur yang teratur dari segi undang-undang, sistematik, cepat dan telus.
4. Dalam hal ini, Kerajaan akan mempertimbangkan semula beberapa perkara penting termasuk dasar baharu supaya agensi Ombudsman Malaysia benar-benar diberi kuasa menyiasat tertentu melalui Rang Undang-Undang (RUU) Ombudsman Malaysia. Selain itu, RUU Ombudsman Malaysia juga dicadang untuk memperuntukkan obligasi mandatori supaya Laporan Tahunan dibentang dan dibahas dalam Parlimen.
5. Dalam usaha menggubal RUU Ombudsman Malaysia ini, Kerajaan akan meneliti semula model dan undang-undang Ombudsman negara lain seperti United Kingdom, New Zealand, Sweden, Australia, Hong Kong, Filipina, Thailand, Gambia dan Namibia, serta undang-undang institusi agensi Kerajaan Malaysia khususnya berkenaan kuasa siasatan dan tindakan yang boleh diambil.
6. Penubuhan Ombudsman yang berfungsi dan berkuasa adalah amat penting bagi memastikan pentadbiran awam cekap dan berkesan serta tadbir urus yang lebih baik dalam perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK LARRY SOON@LARRY SNG WEI**  
**SHIEN [JULAU]**  
**TARIKH : 07 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [ JULAU]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan strategi dan fokus Kementerian untuk menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang berkualiti ke negara ini dan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai hub destinasi pelaburan pilihan di rantau Asia ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sentiasa komited untuk memastikan Malaysia terus kekal sebagai destinasi pelaburan terpilih di rantau ini bagi pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung domestik (DDI).

Fokus ini adalah selari dengan matlamat Dasar Pelaburan Baharu Negara berteraskan Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspirations - NIA) yang melibatkan lima (5) teras utama, iaitu, meningkatkan kompleksiti ekonomi; mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi; memperluaskan rangkaian domestik; membangunkan kluster baharu dan sedia ada; serta mempertingkatkan keterangkuman dalam mensasarkan pelaburan berkualiti tinggi berintensifkan modal dan teknologi.

Dasar Pelaburan Baharu ini juga memberi tumpuan kepada keterangkuman dan kemampanan yang selari dengan matlamat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (*Environment, Social and Governance - ESG*). Pelaburan baharu berteraskan ESG ini akan mendorong pertumbuhan dalam sektor yang canggih dari segi teknologi, serta mengukuhkan hubungan rangkaian ke hadapan dan kebelakang.

Sepanjang tahun 2018 hingga September 2022, Malaysia telah berjaya menarik jumlah pelaburan sebanyak RM1.1 trilion yang diluluskan merangkumi sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama. Pelaburan ini melibatkan 22,417 projek dan dijangka mewujudkan sejumlah 572,081 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, 52.3 peratus atau RM568.6 bilion adalah Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment - FDI*).

Malaysia mengutamakan pelaburan tertumpu, bersasar dan terpilih untuk memastikan pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi. Antara strategi yang akan dilaksanakan termasuklah melaksanakan pendekatan negara yang disasarkan (*country-specific approach*) dan industri yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang mana dari segi negara yang disasarkan, Malaysia mengambil peluang atas lencongan perdagangan ekoran ketegangan geopolitik yang tidak menentu, termasuk konflik perdagangan Amerikat Syarikat-China, krisis antara Rusia-Ukraine dan peralihan rangkaian bekalan global supaya

## SOALAN NO : 5

Malaysia menjadi hab alternatif bagi aktiviti perkilangan dan perdagangan.

Manakala dari segi industri yang disasarkan pula, penekanan akan diberikan kepada pelaburan bagi sektor kawasan pembangunan baharu termasuk kenderaan elektrik, kilang pintar menggunakan teknologi 5G, ekonomi digital, teknologi hijau, pertanian pintar dan ekosistem rangkaian bekalan.

Berdasarkan situasi semasa ini dan kelebihan serta keunikan Malaysia dalam menarik pelaburan berkualiti, Kerajaan perlu memanfaatkan peluang-peluang yang wujud bagi mencapai lonjakan kedua dalam ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Melangkah ke hadapan, Kerajaan melalui MITI dan agensi akan terus meningkatkan usaha bagi menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam negara sekaligus mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi. Usaha ini adalah selaras dengan kerangka Malaysia MADANI yang mendorong pembangunan keupayaan yang lestari serta pemindahan teknologi dan daya cipta, melalui jalinan kerjasama luar dalam sektor berpotensi dan berkepentingan strategik, ke arah memacu ekonomi yang berasaskan kesejahteraan terangkum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN  
[PORT DICKSON]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah sebarang perancangan ke atas Bandar Tentera Darat, Port Dickson dinaik taraf bagi menambah daya tarikan pelancong tempatan dan luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bandar Port Dickson (PD) telah diisytihar sebagai Bandar Tentera Darat pada 29 September 2009 sebagai mengiktiraf tempat lahirnya batalion Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) yang menjadi asas penubuhan Tentera Darat Malaysia. Selain itu, ianya juga demi menghargai peranan Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA) yang terletak di Port Dickson, yang telah sekian lama melatih serta melahirkan perajurit-perajurit muda.

Tranformasi Port Dickson menjadi Bandar Tentera Darat dapat dilihat dengan pencahayaan sebahagian kawasan terutama berhampiran PUSASDA dan Muzium Tentera Darat dengan lampu LED berwarna-warni, pembinaan pintu gerbang dan arca bermotifkan keperwiraan, termasuk pondok bas yang berimejkan ketenteraan dan projek menaiktaraf Muzium Tentera Darat.

Pada masa ini, Kementerian Pertahanan melalui Tentera Darat tiada sebarang perancangan khusus untuk membangunkan bandar Port Dickson bagi tujuan menarik kehadiran pelancong. Fokus utama adalah untuk menaiktaraf serta menyenggara kemudahan infrastruktur serta fasiliti bagi kegunaan warga Tentera Darat seperti kem-kem dan juga Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT). Penyenggaraan fasiliti dan infrastruktur terutamanya bagi pusat- pusat latihan yang banyak terdapat di sekitar Port Dickson termasuk kem-kem sedia ada merupakan keutamaan pada masa ini.

Walau bagaimanapun, di peringkat Tentera Darat pelbagai aktiviti menarik sentiasa dilaksanakan yang boleh menarik kehadiran pelancong ke bandar ini. Antara aktiviti tetap yang dilaksanakan adalah Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda, Perbarisan Hari Tentera Darat, Pertunjukan Tattoo Tentera Darat, Demonstrasi Dinamik Aset Tentera Darat dan Ujian Kemahiran Muzik (UKMZ) Tentera Darat - *Battle of the Bands*. Kerjasama jitu dari pihak kerajaan negeri dalam mempromosikan aktiviti-aktiviti ini pasti akan dapat menarik minat pelancong hadir ke bandar Port Dickson. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN  
BANDY [ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini penaiktarafan kampus UiTM Tawau daripada kampus penyedia yang kini hanya menawarkan program pra diploma kepada kampus penuh yang akan menawarkan program diploma dan ijazah yang bersesuaian demi memastikan pendidikan berkualiti dapat disediakan kepada anak-anak tempatan berhampiran khususnya di Kalabakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sememangnya antara agenda Perancangan Strategik Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) UiTM Cawangan Sabah adalah untuk membangunkan aktiviti dan program akademik di UiTM Kampus Tawau.
2. Ini termasuklah proses penaiktarafan kampus UiTM Tawau daripada kampus penyedia, yang kini hanya menawarkan program pra diploma, kepada kampus penuh yang akan menawarkan program diploma dan ijazah yang bersesuaian.
3. Mengikut perancangan awal sebelum ini, antara program yang telah dikenal pasti untuk ditawarkan pada tahun 2023 adalah:

- a. Diploma Pengurusan Perladangan;
- b. Diploma Pengurusan Perniagaan (Pengangkutan); dan
- c. Diploma Keusahawanan Tani.

4. Walaubagaimanapun, buat masa ini, UiTM Cawangan Sabah masih belum dapat menawarkan ketiga-tiga program Diploma ini di Kampus Tawau seperti yang dirancang.

5. Ini kerana, pihak UiTM Cawangan Sabah sebenarnya masih dalam proses menguruskan penyediaan kemudahan infrastruktur pengajaran yang lengkap dan bersesuaian.

6. Pada masa yang sama, pihak UiTM juga sedang dalam proses mendapatkan waran perjawatan pensyarah bagi ketiga-tiga program tersebut.

7. Ini adalah proses yang mesti dilakukan secara terancang dan teliti. Pihak kampus perlu bersedia dengan penambahan staf berjawatan tetap memandangkan kekurangan staf akademik akan boleh menimbulkan masalah penetapan jadual yang lebih konsisten. Malah, pengambilan staf akademik *part time* tidak menjanjikan kelangsungan

8. Secara ringkasnya, proses penaiktarafan ini hanya akan dapat dilengkapkan apabila infrastruktur dan tenaga pengajar yang mencukupi dan bersesuaian dapat diuruskan terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DR. ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rakyat mempunyai sebarang ruang untuk melakukan saman sivil kepada sindiket scammer.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hak rakyat untuk mendapatkan akses kepada keadilan (*access to justice*) dan mengemukakan saman sivil terhadap mana-mana individu masing-masing merupakan hak yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang bertulis lain yang berkaitan. Proses dan prosedur untuk mengemukakan saman sivil termaktub dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 manakala beban pembuktian dari sudut keterangan dokumentari dan lisan di mahkamah diperuntukkan dalam Akta Keterangan 1950 dan perlu dibuktikan dengan jelas.
2. Sekiranya rakyat mempunyai keterangan dan bukti yang mencukupi untuk membawa mana-mana ahli *scammer* yang boleh dikenal pasti identitinya ke mahkamah dengan kausa tindakan (*cause of action*) yang kukuh, tiada halangan untuk mereka berbuat sedemikian. Kausa tindakan yang mungkin boleh dijadikan sandaran ialah pecah janji (*breach of promise* atau *breach of undertaking*) dan lain-lain lagi yang perlu dibuktikan oleh rakyat. Khidmat guaman juga wajar diperolehi bagi memastikan proses pembuktian berjalan lancar.
3. Pada masa yang sama, sebarang bentuk penipuan oleh sindiket *scammer* merupakan kesalahan menipu yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan. Kes sebegini lazimnya disiasat oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan sekiranya elemen jenayah boleh dibuktikan terhadap mana-mana suspek, pertuduhan yang sesuai akan dipertimbangkan oleh Pendakwa Raya dan ahli sindiket *scammer* berkenaan boleh dibawa ke mahkamah untuk diadili dan dihukum dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN  
[BANDAR KUCHING]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pendirian Kementerian untuk meminda AUKU untuk memberikan lebih banyak autonomi kepada persatuan-persatuan mahasiswa di setiap universiti termasuk universiti awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa terbuka dan bersedia mengambil langkah-langkah bagi menambah baik Akta Universiti Kolej Universiti 1971 (AUKU). Malah, sejak diperkenalkan, AUKU sebenarnya telah mengalami proses pindaan sebanyak tujuh (7).
2. Sememangnya Kementerian kini sedang melakukan usaha berterusan bagi menambah baik AUKU khususnya dalam memberi lebih banyak autonomi kepada persatuan-persatuan mahasiswa di setiap universiti.
3. Antara aspek yang sedang diperhalusi adalah pindaan-pindaan yang akan memberikan mahasiswa autonomi dalam hal-hal berkaitan dengan pengurusan aktiviti-aktiviti oleh persatuan-persatuan pelajar. Selain itu, pada masa yang sama, aspek yang turut diperhalusi adalah pindaan-pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang akan memberikan autonomi dalam dan hal-hal berkaitan dengan pengurusan kewangan persatuan mahasiswa.

Sekian. terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI  
BIN HAJI SALLEH [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan dalam perancangan untuk mempertimbang pelan penambahbaikan skim perkhidmatan awam khususnya melibatkan agensi penguatkuasaan seperti kastam, imigresen, maritim dan seumpamanya.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kerajaan sedang dalam kajian menyeluruh Sistem Saraan Baharu (SSB) Sektor Awam yang melibatkan semua skim perkhidmatan termasuk skim perkhidmatan di agensi penguatkuasaan. Sebarang keputusan berhubung pelaksanaan yang berkaitan akan dimaklumkan melalui pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TAN KAR HING [GOPENG]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan keberkesanan *Digital Transformation Acceleration Programme* dan dana cradle yang membantu pemain-pemain industri SME.

**JAWAPAN**

Tuan Yang diPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2003, Cradle Fund Sdn. Bhd. iaitu sebuah agensi pembiaya di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menawarkan pembiayaan geran sebanyak RM255 juta kepada lebih 1000 buah syarikat *startup*. Cradle juga menawarkan pelaburan kepada syarikat-syarikat *startup* tempatan sejak tahun 2011 dengan jumlah pelaburan terkumpul sebanyak RM40 juta.

Lebih daripada tujuh puluh lima peratus (75%) syarikat *startup* yang dibiayai oleh Cradle telah menjalankan perniagaan yang berteraskan teknologi digital. Melalui Pelan Hala Tuju Ekosistem Startup Malaysia (SUPER), MDEC dibawah Kementerian Komunikasi dan Digital telah dilantik untuk menerajui 3 daripada 16 intervensi bagi menyokong syarikat-syarikat startup digital yang inovatif iaitu:

## SOALAN NO : 17

- i. Menjalankan program intensif bakat teknologi melalui kerjasama di antara akademi teknologi seperti Premier Digital Tech Institutes (PDTI), syarikat MNC dan syarikat *startup*;
- ii. Membina rangkaian terangkum kepada para pengasas syarikat *startup* berkongsi kejayaan dan kegagalan dan membuka peluang kepada para pelajar serta menawarkan peluang bekerja dengan syarikat *startup*; dan
- iii. Menubuhkan program perkembangan (*scale-up*) MY-Unicorn yang akan diterajui oleh syariakt pemacu atau *accelerator* tempatan.

Merujuk kepada Program Pemecutan Transformasi Digital atau “*Digital Transformation Acceleration Programme*” (DTAP) pula, program ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) di bawah kawal selia Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) telah dilancarkan pada tahun 2018 dan tamat pada tahun 2020.

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dengan kerjasama Malaysian Investment Development Authority (MIDA) telah menggunakan pendekatan berstruktur melalui 13 Rakan Strategik yang merupakan pihak pakar dari kalangan syarikat global dan tempatan. Mereka menawarkan khidmat perundingan dan nasihat dalam bidang digital teknologi untuk syarikat-syarikat tempatan memulakan proses transformasi digital syarikat mereka.

Mengenai keberkesanannya, sebanyak 23 bengkel telah dikendalikan di bawah program DTAP dan sejumlah 359 syarikat tempatan telah mendapat manfaat dan telah memulakan proses pelaksanaan transformasi digital mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU [ SARATOK ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK ALI ANAK BIJU [ SARATOK ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- (a) statistik pendapatan penengah dan purata terkini untuk masyarakat kumpulan etnik Orang Asli, Dayak, Melanau, Kadazan, Dusun, Murut, Sulu dan Bajau secara terperinci; dan
- (b) perancangan holistik Kerajaan untuk meningkatkan taraf pendapatan kumpulan–kumpulan etnik tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Laporan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) 2019, statistik pendapatan penengah dan purata bagi Orang Asli adalah RM3,131 dan RM3,980.

Bagi Bumiputera Sabah, pendapatan penengah adalah RM3,934 dan pendapatan purata adalah RM5,254. Bumiputera Sabah merangkumi Kadazan/ Dusun, Bajau, Murut dan Bumiputera lain. Manakala, pendapatan penengah bagi Bumiputera Sarawak adalah RM4,119 dan pendapatan purata adalah RM5,447.

## SOALAN NO : 18

Pendapatan penengah dan purata kumpulan-kumpulan etnik ini adalah lebih rendah berbanding pendapatan penengah dan purata peringkat nasional iaitu masing-masing RM5,873 dan RM7,901. Sehubungan itu, Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 (RMKe-12) memberi fokus kepada kumpulan-kumpulan etnik tersebut dengan perancangan yang lebih menyeluruh untuk meningkatkan taraf pendapatan dan sosioekonomi mereka.

Bagi meningkatkan taraf pendapatan Orang Asli, secara umumnya, pendekatan pembangunan yang komprehensif sedang dilaksanakan dengan tumpuan kepada aspek pendidikan. Dasar Pembangunan Orang Asli yang sedang dirangka akan memberi tumpuan kepada usaha mengurangkan kemiskinan dengan menyediakan infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan asas yang lebih baik.

Bagi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak, potensi sosioekonomi akan dioptimumkan. Status sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak ditambah baik antaranya melalui Program Khas Anak Negeri Sabah dan Program Khas Bumiputera Sarawak dengan mewujudkan lebih banyak peluang latihan, pekerjaan, pemilikan tanah dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi bagi meningkatkan taraf hidup dan pendapatan masyarakat ini.

Terkini, seperti diumumkan dalam ucapan Bajet tahun 2023, Kerajaan juga memperuntukkan RM750 juta untuk Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR). Inisiatif ini yang dilaksanakan di seluruh negara akan menumpukan kepada pengupayaan golongan miskin termasuk dalam kalangan Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak supaya meningkatkan pendapatan secara mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]  
TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan unjuran kadar inflasi untuk tahun 2023 dan apakah langkah-langkah utama yang sedang atau akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani isu kenaikan kos sara hidup.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar inflasi dijangka mencatat antara 2.8% - 3.8% untuk tahun 2023 berikutan prospek ekonomi yang lebih perlahan serta harga komoditi yang lebih stabil.

Sehubungan itu, Kementerian sentiasa cakna akan masalah yang dihadapi oleh rakyat akibat himpitan kenaikan kadar inflasi ini. Justeru, Kementerian telah mengambil langkah proaktif seperti telah menyalurkan bantuan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Bantuan Awal Persekolahan (BAP) pada awal bulan Januari 2023. BAP sebanyak RM150 diberikan kepada semua murid tanpa mengambil kira had pendapatan ibu bapa pada Januari 2023. Peruntukan Fasa 1 pada bulan Januari 2023 berjumlah RM 772,447,650.00. Inisiatif ini dapat mengurangkan bebanan kewangan kepada ibubapa. Malahan penjawat awam yang layak juga telah menerima bantuan khas kewangan pada gaji bulan Januari 2023.

Kerajaan juga telah memutuskan agar dasar – dasar atau inisiatif – inisiatif sedia ada yang bermanfaat untuk menangani isu kenaikan harga barang diteruskan termasuk penetapan harga siling minyak masak, pemberian subsidi ayam dan telur ayam dan penetapan harga minyak

## NO SOALAN : 19

petrol RON 95 dan diesel. Di samping itu, Program Penyeragaman Harga (PPH) dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menyeragamkan harga tujuh (7) barangan asas yang terlibat iaitu beras putih, gula, minyak masak 1kg, tepung gandum, LPG, petrol RON95 dan diesel bagi memastikan bekalan barangan tersebut sampai kepada penduduk di kawasan luar bandar/pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ini antara usaha Kerajaan untuk memastikan semua rakyat menikmati keistimewaan yang diberikan termasuk barangan bersubsidi yang sepatutnya dinikmati semua pada harga yang sama.

Kerajaan juga telah melaksanakan penurunan kadar tol di dua (2) lebuh raya utama iaitu Lebuh raya Sungai Besi (BESRAYA) dan Lebuh raya Kajang – Seremban (LEKAS). Penurunan kadar tol ini sekitar RM0.15 sehingga RM0.50. Ini menunjukkan Kerajaan cakna dan prihatin dengan beban yang ditanggung oleh pengguna.

Sebagai tambahan, tarif elektrik juga kekal pada kadar semasa sehingga mekanisme penyelesaian baharu diputuskan walaupun Kerajaan terpaksa membelanjakan RM15 bilion bagi tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE-15 TAHUN 2023

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH  
[ROMPIN]**

**TARIKH : 8 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah sumbangan yang diberikan oleh Kementerian bagi meningkatkan penglibatan bakal-bakal graduan di pusat pengajian tinggi dalam aspek keusahawanan bagi mengurangkan kebergantungan kepada tawaran kerja sama ada daripada pihak swasta atau Kerajaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam usaha memastikan graduan yang dikeluarkan tidak bergantung semata-mata kepada tawaran pekerjaan di sektor swasta mahupun kerajaan.
2. Antaranya, kementerian telah **meningkatkan pelaksanaan program-program keusahawanan**, dengan menjadikan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021–2025 dan Garis Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu sebagai dokumen rujukan utama pembangunan keusahawanan di IPT.
3. Pelan Tindakan ini menggariskan tiga (3) teras utama untuk memperkasa agenda keusahawanan di IPT iaitu:
  - a. Memperkukuh ekosistem keusahawanan yang bersinergi;
  - b. Meningkatkan kolaborasi yang berimpak tinggi; dan
  - c. Memperkasa inovasi dan teknologi dalam keusahawanan.
4. Pelan ini juga menggariskan tujuh (7) strategi dan 26 inisiatif sebagai panduan kepada IPT dan dipantau menerusi tujuh (7) Petunjuk Prestasi Utama.
5. Sebagai usaha untuk menggalakkan pelajar IPT menceburi bidang keusahawanan, beberapa kemudahan disediakan di IPT khususnya di Universiti Awam. Antaranya:
  - a. Dana atau Pembiayaan untuk Memula dan Mengembangkan Perniagaan;
  - b. Kerjasama strategik dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi serta lain-lain agensi;
  - c. Fasiliti Inkubator dan khidmat rundingan perniagaan; dan
  - d. Program Latihan Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran Keusahawanan.

6. Selain itu terdapat beberapa kerjasama strategik di antara Kementerian bagi membolehkan Kementerian / Agensi berkaitan dapat menyumbangkan kepakaran / pengisian / kaedah pelaksanaan / pemantauan yang berkesan dalam membantu mahasiswa untuk mengembangkan lagi perniagaan semasa dan selepas tamat pengajian kelak.

7. Kerjasama strategik dengan industri dan agensi pembangunan keusahawanan ini diadakan dengan pelbagai pihak termasuklah, antara lain, *Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)*, *Malaysian Research for Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI)*, SME Corp. Malaysia, TEKUN Nasional dan lain-lain.

8. Kesemua kerjasama ini diperkukuh bagi memastikan pelajar yang mempunyai kecenderungan keusahawanan mendapat bimbingan sewajarnya untuk memula, membangunkan dan melengkapkan perniagaan mereka khususnya dalam bidang-bidang terkini selaras dengan keperluan industri 4.0 seperti *eCommerce*, logistik, *big data*, *robotic engineering* dan *Internet of Things*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan dasar Kerajaan menyelesaikan masalah banyak kawasan termasuk kawasan bandar yang masih tidak mempunyai akses kepada internet *fiber broadband* dengan alasan tiada '*port*' oleh pihak *Telco*.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk menyediakan akses gentian optik kepada 9 juta premis di seluruh negara menjelang penghujung 2025 di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 2. Antara sasaran utama JENDELA adalah untuk menyasarkan liputan akses internet jalur lebar tetap kepada 7.5 juta premis pada akhir tahun 2022 dan 9 juta premis pada akhir tahun 2025.

Sehingga kini, hampir 8 juta premis di seluruh negara telah pun mendapat liputan akses internet jalur lebar tetap di mana sebahagian besar daripada jumlah tersebut telah disediakan oleh pihak Telekom Malaysia (TM) selain daripada TIME dan Maxis.

Semasa perancangan JENDELA dibuat, persetujuan telah dicapai dengan penyedia perkhidmatan bahawa sekiranya lokasi pengguna mempunyai jaringan perkhidmatan jalur lebar gentian optik sedia ada,

## SOALAN NO : 21

pihak pemberi perkhidmatan perlu menyediakan sambungan kepada pelanggan berkenaan dalam tempoh 14 hari bekerja. Pencapaian komitmen 14 hari bekerja ini dipantau oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) melalui laporan sukuan berkala yang dihantar oleh pihak penyedia perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, terdapat banyak permintaan perkhidmatan di luar liputan akses internet jalur lebar tetap yang menyumbang kepada aduan 'tiada *port*' oleh orang ramai. Namun begitu, sekiranya lokasi berkenaan tiada capaian gentian optik disebabkan oleh ketiadaan infrastruktur, penyedia perkhidmatan perlu memaklumkan perancangan penyediaan perkhidmatan di kawasan berkenaan kepada pengguna yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kawasan Parlimen Tebrau, sebanyak 2,767 sambungan gentian optik akan disediakan berdasarkan perancangan penyediaan oleh pihak penyedia perkhidmatan. Penyediaan sambungan gentian optik ini akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

Jawatankuasa Pelaksanaan JENDELA (JIC) yang diterajui oleh SKMM adalah bertanggungjawab menangani isu-isu berkaitan pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah JENDELA termasuklah kekurangan *port*. Maklumat perancangan penyediaan pula akan dikemas kini secara berkala oleh pihak pemberi perkhidmatan berdasarkan tinjauan tapak yang dijalankan dan dipantau melalui platform JIC.

Pengguna boleh menyemak portal JENDELA *Map* dari semasa ke semasa bagi mengetahui status liputan akses internet di kawasan mereka. Pengguna juga disaran membuat permohonan rasmi kepada pemberi perkhidmatan dan membuat aduan kepada SKMM melalui <https://aduan.skmm.gov.my> sekiranya tiada tindakan yang diambil oleh pemberi perkhidmatan berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI**  
**[ PASIR MAS ]**  
**TARIKH : 07 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [ PASIR MAS ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah jangka masa panjang yang telah diambil oleh Kementerian dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup di negara ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Menangani kos sara hidup secara tuntas dan menyeluruh merupakan satu usaha berterusan dan panjang. Kos sara hidup bukan hanya masalah ekonomi tetapi terdapat cabaran yang melibatkan pelbagai dimensi termasuklah yang bersifat struktural. Dalam hubungan ini, inisiatif yang dirangka oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri akan menumpukan kepada strategi serampang dua mata iaitu:

- (a) menangani kenaikan harga barangan dan perkhidmatan; dan
- (b) meningkatkan pendapatan rakyat.

Ini adalah kerana secara realitinya kos sara hidup timbul kerana kuasa beli rakyat tidak dapat menampung perbelanjaan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Titah Diraja semasa pembukaan Penggal Kedua Parlimen Kelima Belas pada 13 Februari 2023 juga menyentuh semangat insan serta inisiatif RAHMAH dan DAYA yang mampu membawa perubahan dalam memberikan jaringan perlindungan sosial dan seterusnya membendung isu kos sara hidup.

Inisiatif RAHMAH di bawah perancangan jangka pendek yang diambil oleh KPDM adalah Program Payung Rahmah bagi membantu terutamanya kumpulan berpendapatan rendah untuk mendapatkan barangan keperluan asas. Program ini telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada awal bulan ini. Terdapat lima (5) inisiatif di bawah program ini :

- i. **PERTAMA : Bakul Rahmah** iaitu inisiatif yang menyasarkan sumbangan berbentuk bakul makanan (keperluan harian) bernilai RM100. Barangan keperluan yang dikenalpasti adalah beras, gula, minyak masak, tepung, susu pekat, mihun dan telur yang akan disumbangkan oleh rakan strategik kepada kumpulan miskin tegar

secara berterusan pada setiap bulan. Program ini bukan hanya akan menyediakan bantuan barangan tetapi juga peluang pekerjaan bagi mereka yang layak;

- ii. **KEDUA : Jualan Rahmah** iaitu inisiatif program jualan murah sepanjang tahun 2023 oleh pasaraya besar dan pasaraya. Untuk tujuan ini KPDN akan memberi permit Notis Jualan Murah (NJM) bagi Jualan Rahmah sehingga maksimum 4 bulan berbanding 1 bulan pada masa sekarang;
- iii. **KETIGA : Pakej Rahmah** iaitu inisiatif yang menyokong Jualan Rahmah yang mana pasaraya besar dan pasaraya menyediakan beberapa barangan keperluan asas berbentuk pakej. Barangan keperluan dalam pakej berkenaan adalah bernilai RM70 namun pakej tersebut akan dijual kepada pengguna pada harga RM50 sahaja;
- iv. **KEEMPAT : Kafe Rahmah** yang bertujuan untuk menyediakan makanan yang dijual pada harga yang berpatutan kepada penuntut IPTA serta memberikan hidangan makanan percuma kepada penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari keluarga berpendapatan rendah; dan
- v. **KELIMA : Menu Rahmah** yang sedang hangat diperkatakan sekarang iaitu inisiatif pengusaha-pengusaha makanan secara sukarela untuk menawarkan makanan pada harga RM5 bagi setiap hidangan. Menu Rahmah bertujuan untuk memastikan terutamanya golongan berpendapatan rendah mendapat akses kepada pilihan harga yang mampu bayar.

KPDN akan meneruskan program sedia ada yang memberi impak tinggi dalam membantu kos sara hidup rakyat iaitu Program Penyeragaman Harga tujuh (7) barangan asas iaitu beras putih, gula, minyak masak 1kg, tepung gandum, LPG, petrol RON95 dan diesel supaya bekalan barangan tersebut sampai kepada penduduk di kawasan luar bandar/ pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada harga

kawalan sama dengan kawasan bandar melalui subsidi pengangkutan yang dibayar Kerajaan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

KPDN juga mengorak langkah dalam inisiatif jangka masa sederhana dan panjang melalui inisiatif DAYA supaya kumpulan sasar Kementerian dapat menjana pendapatan di dalam sektor perdagangan dan pengedaran. Melalui program baharu yang dikenali sebagai **Rezeki Suri**, akan memberi peluang kepada suri rumah untuk menambahkan pendapatan dengan menjalankan perniagaan bahan keperluan asas dari rumah.

KPDN juga akan meneruskan **Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik** bagi membantu golongan M40 dan B40 menjadi usahawan dengan menceburi bidang francais. Memandangkan potensi dan pendapatan besar yang boleh disumbangkan oleh bidang francais kepada pendapatan rakyat dan negara maka KPDN turut memohon peruntukan yang lebih besar bagi program ini untuk tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI MUSLIMIN BIN YAHAYA  
[SUNGAI BESAR]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI MUSLIMIN BIN YAHAYA (SUNGAI BESAR)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha Kementerian yang terkini dalam membantu usahawan-usahawan informal dan mikro yang masih terjejas akibat musim pandemik yang lampau dan kenaikan harga barang yang melampau sehingga menyebabkan kesukaran untuk usahawan ini memulakan semula perniagaannya.

**JAWAPAN**

**YB DATUK EWON BENEDICK  
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah memperkasa pelaksanaan inisiatif keusahawanan merangkumi pembangunan kapasiti dan keupayaan, peningkatan akses pembiayaan, perluasan akses pasaran dan adaptasi teknologi dalam usaha membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) termasuk usahawan informal mendepani cabaran perniagaan kesan pandemik lampau dan kenaikan harga barang. Antara inisiatif untuk usahawan mikro dan informal yang dilaksanakan oleh agensi di bawah KUSKOP ialah:

- (i) Pembangunan **Perniagaan Usahawan Mikro (BizME)** oleh SME Corp. yang memberi bimbingan teknikal, latihan dan sokongan

## SOALAN NO : 23

kepada perusahaan mikro untuk mengembangkan perniagaan. Ia dijangka memanfaatkan seramai 650 usahawan mikro;

- (ii) **Program Usahawan Berkebolehan dan Berkeyakinan (CARE)** oleh **TEKUN Nasional** yang menyediakan latihan, bimbingan dan geran perniagaan sehingga RM3,000 seorang yang akan memberi manfaat kepada seramai 60 orang peserta;
- (iii) **Program TEKUN Niaga** yang menyediakan modal pembiayaan secara mudah dan cepat tanpa cagaran sehingga RM100,000 yang akan memberi manfaat kepada seramai 10,600 usahawan;
- (iv) **Skim Pembiayaan Online TEKUN (SPOT)** oleh **TEKUN Nasional** yang menyediakan pembiayaan mudah merangkumi modal pusingan, pembelian peralatan dan perkakasan, bil utiliti dan lain-lain kepada 3,000 usahawan mikro yang menjalankan perniagaan secara dalam talian dengan nilai sehingga RM5,000 untuk Usahawan Informal dan RM10,000 untuk usahawan yang mempunyai lesen atau permit perniagaan atau pendaftaran SSM;
- (v) **Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI)** di bawah **Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)** kepada usahawan mikro dan informal sehingga RM30,000. Program ini akan memberi manfaat kepada seramai 190,000 peserta;
- (vi) **Program Pembiayaan Mikro untuk Penjaja dan Peniaga Kecil (MPPK 2.0)** oleh **Bank Rakyat** yang menawarkan pembiayaan kepada usahawan mikro bagi menambahbaik dan membangunkan semula perniagaan sedia ada dengan nilai pinjaman sehingga RM50,000. Ia akan memberi manfaat kepada 150 penjaja dan peniaga kecil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 07 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DR. MOHAMMED TAUFIQ BIN JOHARI [ SUNGAI PETANI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program-program yang akan dilaksanakan untuk memberi pendedahan mengenai sistem demokrasi berparlimen negara kepada pengundi-pengundi baru dan adakah Kerajaan bercadang untuk membuka ruang di sekolah dan universiti untuk program-program pendidikan pengundi.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) melalui Akademi Pilihan Raya (APR) telah melaksanakan Program Pendidikan Pengundi sejak tahun 2017 bertujuan supaya segenap lapisan masyarakat diberi kefahaman terhadap pentingnya demokrasi, aplikasi demokrasi melalui platform pilihan raya, proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia, tanggungjawab sebagai seorang pengundi dan implikasinya terhadap negara serta menjelaskan isu-isu / cabaran yang sering dibangkitkan semasa pilihan raya diadakan.
2. APR melalui kerjasama pelbagai pihak seperti agensi Kerajaan, pertubuhan, persatuan, badan bukan Kerajaan telah mempergiat pelaksanaan Program Pendidikan Pengundi khususnya kepada golongan anak muda sama ada di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi, masyarakat dan komuniti, acara-acara Kementerian / Jabatan dan pentauliahkan kepada golongan pendidik / mahasiswa untuk memberikan pendidikan dan kefahaman mengenai proses pilihan raya.
3. Berhubung dengan cadangan untuk membuka ruang di sekolah dan universiti untuk program-program pendidikan pengundi, APR terbuka serta sangat mengalu-alukan perkara ini kerana dapat menyebarkan lagi kefahaman mengenai proses pilihan raya di Malaysia khususnya kepada pelajar sekolah. Pada masa ini, APR juga telah mengadakan kerjasama bersama Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) di bawah Kelab Malaysiaku dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia di bawah Program Kecemerlangan Murid. Program Pendidikan Pengundi melibatkan pelajar universiti juga telah dimulakan dan masih diteruskan sehingga kini, di samping jalinan kerjasama strategik melalui Memorandum Persefahaman antara Universiti Awam dan SPR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**

**TARIKH : 07 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan menjalankan audit forensik bebas terhadap tiga organisasi iaitu MAIKA Bhd., MITRA dan MIED untuk kepentingan awam kerana ketiga-tiga agensi ini didapati menyalahguna dan menyelewengkan wang rakyat. Jika tidak, mengapa.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendakwaan telah dibuat bagi sepuluh (10) kertas siasatan berkenaan MITRA.
2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) juga telah membuka tiga (3) KS berkaitan MAIKA. Satu (1) kertas siasatan dalam kajian Timbalan Pendakwa Raya dan dua (2) kertas siasatan telah selesai siasatan yang mana hasil siasatan mendapati tiada elemen kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
3. SPRM juga telah membuka tiga (3) kertas siasatan berkaitan MIED. Satu (1) kertas siasatan telah dituduh dan dua (2) kertas siasatan telah selesai siasatan yang mana hasil siasatan mendapati tiada elemen kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN  
HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [ MARAN ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status Yayasan Kepimpinan Perdana sekarang kerana didapati bekas Perdana Menteri ke-7 masih lagi berada di situ dan berapa perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan setiap tahun untuk Yayasan Kepimpinan Perdana ini.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yayasan Kepimpinan Perdana telah didaftarkan sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ) di bawah Akta Syarikat 1965 pada 24 Januari 2003. Status Yayasan ini adalah "*Existing*" di dalam Daftar Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sehingga kini.
2. Berdasarkan Penyata Tahunan 2022, jenis perniagaan yang dijalankan oleh Yayasan Kepimpinan Perdana *adalah "Research, document, disseminate and publicise the intellectual legacies of our past Prime Minister and to develop, manage and operate a resource centre and library to achieve the objectives of the Foundation."*
3. Dalam hal ini, Kerajaan tidak mengeluarkan sebarang peruntukan khusus yang disalurkan kepada Yayasan Kepimpinan Perdana.
4. Keberadaan bekas Perdana Menteri ke-7 di Bangunan Yayasan Kepimpinan Perdana adalah disebabkan sebahagian ruang dalam bangunan yang merupakan hak milik Yayasan Kepimpinan Perdana (*Perdana Leadership Foundation*) di Presint 8, Putrajaya tersebut, telah disewa oleh Jabatan Perdana Menteri untuk dijadikan Pejabat Urus Setia Bekas Perdana Menteri ke-7.
5. Penyediaan ruang pejabat bagi kegunaan bekas Perdana Menteri adalah selaras dengan kelayakan Elaun dan Keistimewaan bagi bekas Perdana Menteri seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 (Akta 237).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL  
RAHMAN [ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menyalurkan peruntukan kepada Kerajaan negeri yang berlainan parti dengan Kerajaan Persekutuan dan adakah setiap ahli Parlimen bukan Kerajaan akan mendapat peruntukan sebagaimana ahli Parlimen Kerajaan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Penyaluran Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dibuat berdasarkan kepada peruntukan undang-undang sedia ada seperti Pemberian Ikut Kepala (*Capitation Grant*) dan Peruntukan Jalan Negeri (*State Road Grant*) atau lebih dikenali dengan nama MARRIS seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peruntukan pembangunan yang disalurkan kepada Kementerian-Kementerian untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di negeri-negeri berdasarkan kepada keperluan.

Berkenaan dengan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen, ia hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN  
[MERBOK]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah tindakan Kementerian kerana rakyat sudah mula hilang sabar apabila berdepan masalah liputan telekomunikasi. Rakyat terpaksa bergerak ke beberapa lokasi, mencari kawasan yang ada liputan. Inilah senario terpaksa dihadapi rakyat yang sudah muak dengan masalah tiada berpenghujung itu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi masalah liputan komunikasi di kawasan berpenduduk di seluruh negara, Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa memantau perkhidmatan jalur lebar mudah alih terutamanya di kawasan-kawasan yang telah diadukan. Dalam usaha ini, SKMM turut giat melakukan audit kualiti perkhidmatan dari semasa ke semasa bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat telekomunikasi memenuhi Standard Mandatori yang telah ditetapkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Pada tahun 2022, SKMM telah selesai mengaudit sejumlah 3,080 lokasi di seluruh Malaysia. Setakat ini, sebanyak 229 Arahan Suruhanjaya telah dikeluarkan kepada pemberi perkhidmatan, yang melibatkan 214 lokasi berbeza. Daripada 229 Arahan Suruhanjaya tersebut, pemberi perkhidmatan telah membuat penambahbaikan yang melibatkan 157 Arahan Suruhanjaya. Manakala, semakan semula akan dibuat ke atas lokasi yang melibatkan 32 Arahan Suruhanjaya. Tindakan sivil akan diambil ke atas baki 40 Arahan Suruhanjaya yang telah gagal dipatuhi. Bagi lokasi-lokasi lain yang telah diaudit, hasil dapatan masih dalam peringkat analisis dan semakan.

Melalui Arahan Suruhanjaya ini, pemberi perkhidmatan wajib melakukan penambahbaikan kualiti perkhidmatan dengan mengoptimumkan atau menaik taraf menara sedia ada agar kualiti pengalaman pengguna pada tahap yang baik serta menyediakan menara baharu untuk menambah baik kualiti jaringan jalur lebar. Kegagalan pemberi perkhidmatan mematuhi Arahan Suruhanjaya ini boleh dikenakan penalti sivil sehingga RM200,000 di bawah seksyen 109, Akta 588.

SKMM akan terus menjalankan audit kualiti perkhidmatan bagi tahun 2023 dengan sasaran lebih tinggi sebanyak 4000 lokasi di seluruh negara bagi memastikan Standard Mandatori terus dipatuhi oleh pemberi

## SOALAN NO : 28

perkhidmatan untuk menyelesaikan masalah kualiti perkhidmatan. Pada masa yang sama, usaha melalui projek JENDELA Fasa 2 sehingga tahun 2025 juga akan dapat memperbaiki masalah kualiti perkhidmatan jaringan jalur lebar di seluruh Malaysia. Setakat suku keempat 2022, kadar liputan 4G di kawasan berpenduduk di Parlimen Merbok berada pada tahap 99.89%.

SKMM telah merekodkan sebanyak 31 aduan masalah liputan komunikasi di antara Januari 2022 sehingga Januari 2023 di Parlimen Merbok yang disalurkan melalui Portal Aduan SKMM. Oleh yang demikian, bagi menambah baik kualiti liputan di Parlimen Merbok, sebanyak 5 menara komunikasi baharu telah dirancang untuk dibina di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 di Kampung Kuala Segantang Garam, Kampung Sungai Perahu, Kampung Sungai Baru, Kampung Sungkup dan Kampung Batu Belachan. Kelima-lima menara baharu yang sedang dalam peringkat pelaksanaan ini dijangka akan siap sepenuhnya secara berperingkat pada suku keempat 2023.

Dalam hubungan ini, KKD mengalu-alukan maklum balas daripada orang awam bagi kawasan yang mempunyai masalah perkhidmatan bagi membolehkan tindakan selanjutnya boleh diambil. Sebarang aduan boleh disalurkan terus kepada portal aduan SKMM menerusi pautan laman web.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ DAMANSARA ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [ DAMANSARA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pengasingan kuasa antara Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Pendakwa Raya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jemaah Menteri pentadbiran terdahulu pada 15 Jun 2022 telah bersetuju dengan syor Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-rasuah supaya Kertas Pertimbangan berkaitan Hasil Kajian Pengasingan Kuasa Pendakwa Raya dan Peguam Negara ditangguhkan kerana perkara ini melibatkan implikasi kewangan dan perundangan yang besar serta kajian yang lebih mendalam perlu dijalankan oleh Jabatan Peguam Negara (AGC).

2. Walaubagaimanapun, Kerajaan Perpaduan komited terhadap reformasi institusi, antara lainnya pengasingan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya untuk memastikan supaya pendakwaan adalah bebas daripada sebarang konflik kepentingan. Pada 7 Disember 2022, Jabatan Peguam Negara (AGC) telah memberikan taklimat berkenaan perkara ini termasuk cadangan langkah seterusnya yang perlu diambil.

3. Susulan itu, Kerajaan juga dalam masa terdekat akan menubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119] untuk meneliti secara menyeluruh isu-isu berkaitan integriti serta kebebasan institusi kehakiman dan perundangan di negara ini termasuk dakwaan-dakwaan yang terkandung dalam buku "*My Story: Justice in the Wilderness*". RCI ini akan juga antara lain akan mengemukakan apa-apa syor bagi menambahbaik dan meningkatkan keyakinan masyarakat umum terhadap institusi perkhidmatan perundangan negara demi memelihara dan menjaga nama baik jawatan Peguam Negara/Pendakwa Raya dan institusi AGC yang adil, bebas dan professional, termasuk keperluan untuk meminda Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN [LABUAN]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' INDERA DR. SUHAILI BIN ABDUL RAHMAN (LABUAN)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan

(a) pelaksanaan peratusan pencapaian infrastruktur dan kemudahan awam seperti bekalan air dan elektrik di seluruh Labuan sejak pulau itu diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan kedua pada 1984; dan

(b) apakah perancangan terkini Kerajaan berhubung aspek kesaksamaan dalam kemajuan selaras Rancangan Pemajuan Labuan 2040 yang memperlihatkan Wilayah Persekutuan Labuan bakal sebagai Pulau Bandar Pintar dan Mampan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Labuan diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan kedua pada 1984 pelbagai usaha membangun dan mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan awam telah dilaksanakan. Khusus bagi Kementerian Wilayah Persekutuan yang kini dikenali sebagai Jabatan Wilayah Persekutuan, projek-projek di bawah Jabatan ini yang dilaksanakan melalui Perbadanan Labuan dalam *Rolling Plan* 3 Tahun 2023 Rancangan Malaysia Kedua Belas adalah seperti berikut:

- i. Pembinaan Jalan Pesisir Pantai Dari Membedai Ke Tanjung Aru, WP Labuan yang **telah siap** pada 23 November 2021 dengan kos berjumlah RM132.3 juta dan kini masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan;
- ii. Menaiktaraf Pasar Sentral Labuan yang **dalam peringkat pelaksanaan** dengan kos projek berjumlah RM1 juta;
- iii. Projek Smart City Labuan Fasa 1 yang **dalam peringkat pelaksanaan** dengan kos projek berjumlah RM5.3 juta;
- iv. Menaiktaraf Anjung Selera Milik Perbadanan Labuan yang **dalam peringkat pelaksanaan** dengan kos projek berjumlah RM3 juta;
- v. Menaiktaraf Jambatan Patau-Patau 1, WP Labuan yang dalam **proses penyediaan dokumen tender**;
- vi. Projek Pembinaan Dewan Komuniti Kampung Patau-Patau 1, WP Labuan yang **dalam proses tender**; dan

vii. Pembinaan Cell Sanitary Landfill Dan Naik Taraf Leachate Treatment Plan WP Labuan yang **dalam proses tender**.

2. Sejak tahun 2014 – 2021 sebanyak 86 projek telahpun dilaksanakan di Labuan untuk mengukuhkan lagi sistem bekalan elektrik sedia ada dengan jumlah peruntukan sebanyak RM17.8 juta. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) juga telah melaksanakan projek ladang solar di 2 lokasi di Wilayah Persekutuan Labuan yang akan membekalkan tenaga elektrik sebanyak 15 Megawatt bagi menampung jumlah bekalan sedia ada dan dijangka akan siap pada hujung tahun 2023. Ini merupakan pencapaian yang signifikan kepada Labuan bagi menyokong pembangunan sumber tenaga boleh diperbaharui.

3. Sebahagian besar bekalan air di Labuan masih bergantung kepada sebahagian besar sumber bekalan air mentah daripada LRA Lawa Gadong, Sabah yang menyumbang kapasiti pengeluaran 76 juta liter sehari atau sekitar 95 peratus air terawat. Agensi berkaitan yang menguruskan bekalan air pada masa ini sedang melaksanakan 7 projek dengan jumlah peruntukan sebanyak RM381 juta di mana 4 projek sedang dalam pembinaan, 1 projek sedang dalam peringkat perolehan dan 2 projek sedang dalam peringkat rekabentuk.

4. Pelan pembangunan di WP Labuan adalah berdasarkan Rancangan Pemajuan Labuan 2040 (RPL2040) dengan menggariskan hala tuju untuk mencapai wawasan ke arah Labuan Sejahtera, Mampan dan Pintar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH  
MAJILIS [KOTA BELUD]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- a) Adakah Kerajaan bercadang menambah Peruntukan Khas Perdana Menteri yang diberikan kepada ahli Parlimen Sabah dan Sarawak sebagai sebahagian daripada komitmen Kerajaan mempercepat pembangunan di kedua-dua buah wilayah ini berbanding Semenanjung Tanah Melayu; dan
- b) Adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan peruntukan khas sama rata kepada ahli Parlimen daripada Kerajaan mahupun Pembangkang.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [BATU]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pencapaian Kerajaan Perpaduan dalam tempoh masa 50 hari pertama pentadbiran dan bagaimana pemerintahan berkonsep Malaysia Madani ini mampu mengangkat semula martabat negara.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu kebajikan rakyat terutama soal kos sara hidup tetap menjadi keutamaan YAB Perdana Menteri dan ia juga merupakan topik pertama dibawanya ke mesyuarat bersama pegawai kerajaan sebaik menjadi Perdana Menteri iaitu sebelum pembentukan Kabinet. Beliau mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup (NACCOL) pada hari ketiga beliau dilantik.
2. Tambahan sebagai langkah mendepani kos sara hidup, Kerajaan melalui syarikat Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) memperuntukkan RM50 juta tahun ini kepada pesawah padi dan turut memperkenalkan pemberian Sumbangan Tunai Rahmah, pengekalan tarif elektrik dan kadar dasar semalaman (OPR) serta Menu Rahmah.

3. Setelah pembentukan Kabinet, antara gerak kerja awal Kerajaan Perpaduan adalah mengadakan program pemukiman anggota Jemaah Menteri dan mewujudkan kerangka Malaysia MADANI yang dibina berdasarkan kepada analisis tematik manifesto setiap parti gabungan. Dalam kerangka tersebut, dinyatakan matlamat Malaysia MADANI iaitu menjadi sebuah negara bangsa Malaysia MADANI yang tertegak berteraskan prinsip kelestarian, ihsan, hormat menghormati, berinovasi, kesejahteraan dan kepercayaan menuju Malaysia baharu yang megah di persada dunia.

4. Seterusnya daripada kerangka Malaysia MADANI, terdapat tiga (3) teras strategik Malaysia MADANI iaitu Memacu Pertumbuhan Ekonomi Negara, Reformasi Institusi dan Tatakelola dan Menegakkan Keadilan Sosial yang dijadikan rujukan dan panduan dalam gerak kerja untuk merancang pembangunan negara termasuklah Belanjawan 2023, Kajian Separuh Penggal RMK-12 dan dasar-dasar Kerajaan yang lain.

5. Perdana Menteri turut menubuhkan Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 bagi menyelesaikan isu tertangguh berkaitan perjanjian itu dan memberi jaminan setiap perjanjian yang dimeterai bersama Sabah dan Sarawak termasuk MA63 harus ditepati serta ditunaikan.

6. Dalam mendekati isu rakyat, beliau turut memperkenalkan Sesi Soal Jawab Perdana Menteri di Parlimen, iaitu soalan-soalan berkaitan rakyat boleh ditujukan terus oleh Ahli Parlimen kepadanya dan dijawabnya secara langsung.

7. Menerusi fokus kepada teras strategik Malaysia MADANI yang telah dirangka, perjuangan untuk membasmi kemiskinan, penstrukturan semula ekonomi, dan memulih serta menjana ekonomi akan dapat dicapai. Agenda Malaysia MADANI ini menjadi teras bagi memperkukuh pembangunan negara melalui pelbagai aspek seperti ekonomi, kewangan, perundangan, pendidikan, kemasyarakatan, kebudayaan, bandar dan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA,  
PENGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM ( SEPUTEH )** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan pembangunan semula di Kuala Lumpur dalam 10 tahun yang akan datang. Apakah status rancangan pembangunan semula pada rumah pangsa kos rendah di Taman Sri Endah di Sri Petaling memandangkan projek pembangunan semula ini telah mendatangkan bantahan kuat daripada penduduk di Sri Petaling.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Wilayah Persekutuan akan mengekal dan meneruskan dasar semasa berkenaan inisiatif Pembaharuan Semula Kuala Lumpur seperti yang telah dilaksanakan sebelum ini oleh Kementerian Wilayah Persekutuan, yang bermula pada tahun 2021.

2. Bagi merealisasikan hasrat ini, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur (PSKL) 2040, telahpun mengenalpasti 139 kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan semula. Kaedah pelaksanaannya pula telahpun digarap dan dijelaskan melalui dokumen Panduan Pelaksanaan Pembangunan Semula Kuala Lumpur.

3. Permohonan projek pembangunan semula rumah pangsa kos rendah di Taman Sri Endah di Sri Petaling sedang dalam pertimbangan pihak DBKL. Permohonan tersebut telah dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Projek Khas (JKEI), Kementerian Wilayah Persekutuan pada 4.2.2022 dan Mesyuarat secara dasarnya bersetuju dengan cadangan pembangunan semula tersebut. Pihak syarikat diberikan persetujuan secara bersyarat dalam tempoh selama satu (1) tahun (bermula 1.4.2022 hingga 1.4.2023) untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Panduan Pelaksanaan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur seperti berikut:

- i. Syarikat perlu mendapat sekurang-kurangnya 75% persetujuan awal pemilik petak/unit secara bertulis;
- ii. Syarikat perlu menyediakan kajian kebolehlaksanaan projek (*feasibility study*);

## SOALAN NO : 33

- iii. Syarikat perlu menyediakan pelan perniagaan (*business model*);
- iv. Syarikat perlu menyediakan kaedah pemilikan tanah dan kaedah yang dipilih (tempoh cadangan penyelesaian dan skim pembiayaan);
- v. Syarikat perlu menyediakan cadangan mekanisme pembayaran pampasan/bayaran kepada pemilik petak/unit;
- vi. Syarikat perlu mengemukakan cadangan rumah ganti atau transit yang bersesuaian kepada pemilik petak/unit yang terlibat; dan
- vii. Syarikat perlu menyediakan pelan susun atur cadangan yang komprehensif.

4. Sehingga kini, pihak syarikat masih dalam tindakan untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RIDUAN BIN RUBIN [ TENOM ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN RIDUAN BIN RUBIN [ TENOM ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk mengeluarkan masyarakat luar bandar di Sabah dari kepompong kemiskinan dan usaha-usaha Kerajaan untuk merapatkan jurang ekonomi antara wilayah di Sabah dan Semenanjung Malaysia

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Agenda membasmi kemiskinan adalah untuk semua rakyat, tanpa mengira jantina, etnik, sosioekonomi dan lokasi bagi memastikan tiada rakyat Malaysia yang ketinggalan atau dengan izin, “*no one is left behind*”.

Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025, secara umumnya, keutamaan akan diberi untuk memantapkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, mempertingkatkan pembangunan inklusif dan memperkukuh kerjasama antara agensi Persekutuan dan kerajaan negeri. Negeri Sabah akan terus meraih manfaat besar daripada peruntukan pembangunan sebanyak RM6.5 bilion pada tahun 2023.

Dalam RMKe-12, pelbagai strategi dan inisiatif sedang dan akan dilaksanakan bagi merapatkan jurang ekonomi antara wilayah di Sabah dan Semenanjung Malaysia. Pembangunan kawasan sempadan Sabah sedang dirancang untuk mengambil peluang daripada perpindahan ibukota Indonesia ke Kalimantan.

Keutamaan ini adalah untuk memastikan penduduk di Sabah dapat melibatkan diri dalam sektor berproduktiviti tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Seterusnya, meningkatkan pendapatan mereka untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

Penyediaan infrastruktur asas, termasuk jalan, bekalan air dan elektrik terus diberi penekanan dan diperluaskan di bawah RMKe-12. Selain itu, penekanan turut diberikan untuk memperluas liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk dan ketersambungan jalur lebar ke sekolah di luar bandar.

Bagi memantapkan pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar Sabah, Kerajaan menyasarkan 700km pembinaan dan menaik

taraf jalan luar bandar berturap bagi setiap negeri. Selain itu, Kerajaan turut mensasarkan 98% liputan akses kepada air bersih dan terawat serta 99% liputan akses kepada elektrik di Sabah menjelang tahun 2025.

Aspek pendidikan dan kesihatan juga terus diberi perhatian bagi memastikan jurang ekonomi negeri Sabah dapat dirapatkan. Kerajaan terus menumpukan kepada usaha-usaha untuk menyediakan sekolah dan pusat latihan di Sabah. Dalam hal ini, antara projek-projek yang diberi keutamaan adalah seperti pembinaan semula sekolah yang mempunyai bangunan daif.

Beberapa klinik kesihatan baharu juga akan dibina termasuk di Beaufort, Sabah. Di samping itu, pembinaan hospital pengajar untuk Universiti Malaysia Sabah dan akan melengkapkan usaha untuk menghasilkan lebih ramai pakar perubatan di Sabah. Di samping itu, bagi penduduk yang kurang mendapat liputan, bilangan kenderaan khas bagi tujuan pemindahan pesakit yang digunakan oleh pejabat kesihatan daerah akan ditambah dan lebih banyak kelengkapan perubatan akan disediakan di Sabah.

Di bawah pengumuman Bajet 2023, sebahagian bayaran hasil petroleum Sabah juga akan digunakan bagi program pembasmian kemiskinan tegar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD MARZUK  
BIN SHAARY [ PENGGALAN CHEPA ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mempertimbangkan agihan peruntukan pembangunan Kawasan Parlimen secara sama rata dan mekanisme bajet tersebut disalurkan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
[ AYER HITAM ]

**TARIKH** : 7 MAC 2023 (SELASA)

**SOALAN :**

**YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan seterusnya bagi penyelesaian International Petroleum Investment Company (IPIC) dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) supaya dana sehingga USD\$7 bilion boleh dikembalikan dari pihak IPIC kepada 1MDB.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 27 Februari 2023, Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc) dan 1Malaysia Development Bhd (1MDB) (pihak Malaysia) telah mencapai satu penyelesaian mengenai pertikaian mereka dengan International Petroleum Investment Company (IPIC) dan Aabar Investments PJS (Aabar PJS) (pihak Abu Dhabi) mengenai prosiding undang-undang di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa London (LCIA) dan Mahkamah Tinggi London.

2. Melalui penyelesaian ini, pihak Abu Dhabi telah bersetuju untuk membayar USD\$1.8 billion kepada pihak Malaysia. Maka, dengan termaktubnya perjanjian penyelesaian demikian, tuntutan pihak Malaysia dalam prosiding undang-undang di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa London dan Mahkamah Tinggi London tersebut juga adalah ditamatkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]  
TARIKH : 07 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan strategi, dasar, insentif cukai dan langkah untuk meningkatkan kadar eksport kereta Proton dan Perodua ke luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sentiasa memberi sokongan dan dorongan kepada semua pengeluar dan pemasang kenderaan dan tidak terhad kepada PROTON dan PERODUA untuk terus kekal berdaya saing dan membantu dalam pembangunan ekosistem industri automotif tempatan terutamanya pembangunan syarikat-syarikat vendor tempatan. Kedua-dua syarikat sentiasa diberi dorongan supaya tidak menumpukan pasaran kenderaannya di dalam negara, sebaliknya perlu berkembang ke pasaran luar negara, dan menjadikan Malaysia sebagai hab pengeluaran kenderaan terutamanya di rantau ini.

Sebagai sebuah syarikat, segala urusan perniagaan, perancangan eksport dan perundingan dengan syarikat di negara pengimport adalah bersandarkan prinsip B2B (*Business to Business*). Bagi membantu perkembangan industri automotif tempatan, Kerajaan memainkan peranan dengan memberi tumpuan kepada penyediaan galakan insentif, penyediaan kemudahan fasiliti, pembangunan kapasiti dan membuka peluang pasaran luar negara, sebagai langkah untuk membantu syarikat pengeluar kereta nasional menjadi lebih kompetitif dan mampu bersaing di pasaran global.

Dari segi galakan insentif, pelbagai bentuk insentif cukai telah diberikan sama ada pengecualian cukai langsung dan tidak langsung. Insentif pengecualian cukai langsung ini diberikan kepada syarikat pengeluar kereta kerana terlibat dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang digalakkan seperti pembuatan enjin dan komponen-komponen kritikal kenderaan. Selain itu, penglibatan syarikat pengeluar kereta dalam aktiviti R&D dan pembangunan vendor tempatan juga menjadi ukuran dalam mempertimbangkan tahap insentif yang layak. Selain itu, insentif cukai tidak langsung diberi pertimbangan berdasarkan merit terutamanya dari segi pencapaian tahap kandungan tempatan di dalam aktiviti pengeluaran kenderaan. Dengan adanya sokongan insentif-insentif cukai ini, syarikat-syarikat automotif seharusnya dapat meningkatkan jualan di dalam pasaran tempatan, dan seterusnya mencapai tahap skala ekonomi yang

diperlukan untuk menyuntik kebolehpayaan syarikat-syarikat ini menjual kenderaannya ke pasaran luar negara.

Dari segi kemudahan fasiliti pula, Kerajaan dengan kerjasama industri telah membangunkan pusat pengujian asap kenderaan bertaraf dunia iaitu *National Emission Test Centre* (NETC) di Rawang yang telah diiktiraf oleh United Nations (UN) bermula 13 Oktober 2022. Fasiliti ini dapat menguji asap kenderaan selaras dengan kehendak Peraturan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNR) dan juga peraturan-peraturan antarabangsa yang lain. Sebelum fasiliti ini wujud, pengeluar kenderaan tempatan perlu membuat ujian ini di luar negara. Kini, pihak pengeluar dapat melakukan pengujian di dalam negara, dan langkah ini telah membantu mengurangkan kos syarikat.

Beberapa fasiliti yang lain turut disediakan bagi menyediakan prasarana setempu bagi tujuan kajian dan penyelidikan untuk syarikat pengeluar produk automotif. Di antara fasiliti tersebut ialah *MARii Simulation & Analysis Centre* (MARSAC) yang bertujuan untuk memudahkan aktiviti penyelidikan bernilai tinggi, menjimatkan kos, serta membangunkan bakat baru dalam bidang kajian dan penyelidikan. Selain tu, *MARii Additive Manufacturing and Technology Centre* (MAMTEC) juga ditubuhkan sebagai fasiliti percetakan 3D dalam talian pertama di Malaysia yang mampu mempercepatkan dan meningkatkan keupayaan pengeluar produk automotif dalam bidang penyelidikan dan pembangunan alat ganti baharu dan pembuatan komponen. Melalui kemudahan-kemudahan yang disediakan ini, syarikat - syarikat automotif dapat meningkatkan kualiti komponen dan kenderaan supaya mencapai standard yang diperlukan dan kompetitif bagi tujuan pasaran tempatan dan juga eksport.

Dari segi pembangunan kapasiti, *Malaysia Automotive, Robotics and IoT Institute* (MARii) telah menyediakan pelbagai program bagi membantu meningkatkan kapasiti di dalam industri automotif di mana program-program yang ditawarkan adalah dalam bentuk latihan sumber manusia dan juga bantuan teknikal dan perundingan untuk meningkatkan kompetensi syarikat-syarikat vendor tempatan, terutamanya yang terlibat dalam rangkaian pembekalan kepada syarikat-syarikat pengeluar kenderaan tempatan. Selain itu, perkhidmatan yang disediakan oleh

*MARii Design Centre* dan *MARii Academy of Technology* di Rawang dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan keupayaan kejuruteraan tempatan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan, pengujian dan pembangunan teknologi.

Di samping itu, MITI melalui MATRADE juga mengatur program promosi eksport dan aktiviti *business matching* untuk syarikat-syarikat tempatan bersama syarikat-syarikat asing daripada negara luar, bertujuan meningkatkan keupayaan dalam bidang kajian dan penyelidikan, pertukaran teknologi serta meningkatkan pasaran ke tahap global. Selain itu, MATRADE juga menyediakan dana melalui program *Market Development Grant* (MDG) bagi membantu syarikat-syarikat vendor tempatan termasuk yang menjadi rantai pembekalan kepada syarikat - syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan untuk mengkaji peluang-peluang pasaran di luar negara.

MATRADE akan terus mengadakan sesi libat urus bersama syarikat-syarikat automotif bagi membantu pertumbuhan pasaran eksport dapat dicapai dengan lebih baik dan konsisten. Kerjasama akan diteruskan sebagai contoh melalui skim galakan perdagangan eksport, menghubungkan dengan syarikat tempatan di negara pengimport dan mengadakan program pemasaran strategik untuk manfaat syarikat-syarikat pengeluar kereta nasional.

Bagi membuka peluang pasaran produk Malaysia ke luar negara, MITI sebagai peneraju dalam rundingan perdagangan bebas telah memeterai pelbagai *Free Trade Agreement* (FTA) dengan rakan dagang strategik negara sama ada secara dua hala atau serantau. Langkah ini telah meluaskan potensi jangkauan pasaran eksport untuk syarikat-syarikat automotif tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
[SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM (SUNGAI SIPUT)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang diambil untuk mencipta atau mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif untuk menyokong agenda pembangunan sosioekonomi mampan dan inklusif.

**JAWAPAN**

**YB DATUK EWON BENEDICK  
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) sebagai dokumen strategi jangka panjang untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang dinamik bagi memastikan semua golongan dan lapisan masyarakat Malaysia dapat memanfaatkan dan meneroka sepenuhnya potensi masing-masing bagi melibatkan diri secara serius dalam bidang keusahawanan.

Pembangunan ekosistem ini meliputi tujuh (7) elemen utama dalam memantapkan komuniti usahawan dan koperasi iaitu dasar dan polisi,

## SOALAN NO : 38

pembudayaan keusahawanan, akses pasaran, akses pembiayaan, pembangunan kemahiran dan bakat, adaptasi teknologi dan inovasi serta sokongan dan fasilitasi keusahawanan.

2. KUSKOP juga telah melancarkan Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial 2030 (SEMy 2030) yang menggariskan 20 strategi dan 45 inisiatif bagi memperkasa ekosistem pembangunan keusahawanan sosial dengan matlamat mengurus perdana perusahaan sosial sebagai penyumbang efektif kepada pembangunan sosioekonomi negara yang inklusif, seimbang dan mampan.

3. Untuk memperkukuh ekosistem pembangunan Koperasi pula, KUSKOP telah melaksanakan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM) yang menggariskan matlamat, program serta aktiviti utama yang memberikan anjakan transformasi kepada Gerakan Koperasi sebagai pemangkin kepada pembangunan sosioekonomi negara.

4. Selain itu, bagi menyokong pembangunan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif serta mempertingkatkan daya tahan dan daya saing usahawan pasca pandemik, KUSKOP akan melaksanakan 185 program di bawah Pelan Strategik Kementerian 2023 meliputi program peningkatan kapasiti, latihan dan bimbingan, akses pembiayaan, akses pasaran dan adaptasi teknologi yang dijangka akan memanfaatkan 543,080 individu usahawan dan bakal usahawan di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [ PENDANG ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan tahap intervensi Kerajaan (Government Intervention) dalam mengawal selia keperluan ekonomi Malaysia dalam menangani peningkatan kos sara hidup yang meresahkan rakyat serta mengurangkan paras kemiskinan tegar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

YAB Perdana Menteri semasa ucapan Bajet 2023 pada 24 Februari 2023, telah mengumumkan langkah-langkah berikut bagi mengurangkan kadar kemiskinan termasuk:

- i. Sumbangan Tunai Rahmah kepada hampir 9 juta penerima dengan peruntukan disediakan hampir RM8 bilion;
- ii. Bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada golongan yang mudah terjejas termasuk kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya (RM400 juta);
- iii. Bantuan pelbagai subsidi kepada pesawah dan pekebun kecil (RM1.6 bilion);
- iv. Projek pembaikan luar bandar dan program-program membasmi kemiskinan (RM3.9 bilion); dan

v. Pakej Perpaduan Prabayar Internet Mudah Alih dan Pakej Perpaduan Jalur Lebar.

Kerajaan juga menyediakan sehingga RM64 bilion ringgit dalam bentuk subsidi, bantuan serta insentif untuk meminimumkan impak kenaikan kos sara hidup melalui kawalan harga barang, bantuan kewangan dan kepenggunaan.

Dalam masa yang sama, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) juga telah memperkenalkan konsep Payung Rahmah yang merangkumi Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Pakej Rahmah, Kafe Rahmah dan Menu Rahmah. Sebagai contoh, Kerajaan telah mengumumkan dalam Bajet 2023, Kerajaan menyediakan RM100 juta ringgit untuk menjayakan program Jualan Rahmah yang menawarkan barangan asas dengan harga sehingga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran di setiap kawasan Parlimen.

Kerajaan melalui Kementerian Ekonomi sedang melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) yang akan menumpukan kepada pengupayaan golongan B40 termasuk miskin dan miskin tegar di seluruh negara supaya meningkatkan potensi pendapatan secara mampan. Peruntukan sejumlah RM750 juta disediakan untuk tahun 2023 bagi menjayakan IPR.

Program IPR akan melibatkan tiga inisiatif permulaan iaitu pertanian kontrak, perniagaan perniagaan dan penyelenggaraan kemudahan awam. Program ini menyasarkan untuk peserta meraih pendapatan antara RM2,000 hingga RM2,500 sebulan dalam tempoh pemantauan 24 bulan. Majlis pelancaran IPR telah diadakan pada 26 Februari 2023.

Kerajaan akan terus mengimbangi mengimbangi tumpuan untuk menstrukturkan ekonomi negara dengan keperluan ekonomi rakyat berhubung kos sara hidup dalam merangka perancangan ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW  
[ SIBU ]**

**TARIKH : 07 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menambah baik lagi sistem undi pos, supaya masalah tidak sempat kirim balik tidak akan berlaku lagi dan juga masalah kelewatan undi pos sampai ke pengundi juga tidak berulang lagi pada PRU dan PRN yang akan datang.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengundian secara pos merupakan satu kemudahan yang disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) kepada pemilih warganegara Malaysia yang layak memohon.
2. Dalam pelaksanaan PRU Ke-15 yang lepas, SPR telah membuat beberapa penambahbaikan terhadap proses pengundian secara pos untuk dalam dan luar negara antaranya seperti berikut:
  - (i) permohonan undi pos bagi Kategori 1B (Luar Negara) dan 1C (10 Agensi/Organisasi) dibuat secara atas talian (*online*) sepenuhnya melalui portal MySPR pada PRU Ke-15 yang lepas. Permohonan secara atas talian ini memudahkan pemilih untuk membuat permohonan berbanding secara manual menggunakan borang pada PRU atau PRK sebelumnya.
  - (ii) SPR juga telah memansuhkan syarat-syarat kelayakan pengundi pos Kategori 1B (Luar Negara) seperti:
    - a) bermastautin di luar negara kecuali di Wilayah Selatan Thailand (Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Satun), Singapura, Brunei dan Kalimantan, Indonesia. Sebelum pemansuhan syarat-syarat ini, pemilih warganegara Malaysia yang berada di Wilayah Selatan Thailand (Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Satun), Singapura, Brunei dan Kalimantan, Indonesia tidak layak mengundi secara pos dan mereka perlu pulang ke Malaysia untuk mengundi secara biasa di bahagian pilihan raya yang terlibat; dan

- b) pernah berada di Malaysia atau kembali ke Malaysia tidak kurang daripada 30 hari dalam tempoh lima (5) tahun sebelum tarikh pembubaran Dewan Rakyat/Dewan Undangan Negeri yang sedang berkuat kuasa. Warganegara Malaysia yang berada di luar negara kini tidak lagi tertakluk kepada syarat ini untuk memohon mengundi secara pos

3. Bagi urusan logistik dan penghantaran kertas undi pos kepada pemilih sama ada di dalam dan luar negara, ia dilaksanakan oleh pengendali pos yang dilantik oleh SPR. Sampul undi pos akan mula dihantar kepada pemilih selepas pengeluaran undi pos selesai dibuat oleh Pegawai Pengurus.

4. Penghantaran undi pos dalam negara adalah menggunakan Pos Daftar *Express Drop* manakala bagi penghantaran ke luar negara menggunakan kaedah *courier international network* di mana ia lebih laju berbanding kaedah *postal network* atau surat bersetem biasa. Walau bagaimanapun, masa dan tempoh penghantaran sampul undi pos kepada pemilih di luar negara adalah bergantung kepada zon penghantaran serta terma dan syarat mengikut negara yang terlibat.

5. Selepas PRU Ke-15, SPR telah mengadakan *postmortem* dengan pihak pengendali pos yang dilantik bagi meneliti aspek penambahbaikan penghantaran sampul keutamaan undi pos yang lebih berkesan kepada pemilih sama ada di dalam dan luar negara untuk pelaksanaan pilihan raya yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[KOTA BHARU]**

**TARIKH : 07 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan proses pemilihan Ketua Pesuruhjaya SPRM melibatkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang bersifat dwipartisan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan amat terbuka akan pandangan dan saranan yang disuarakan daripada pelbagai pihak termasuk Ahli Yang Berhormat bagi meningkatkan keberkesanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Perkara ini akan diteliti oleh pihak berkaitan bagi tindakan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA  
[SELANGAU]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah perancangan untuk menaik taraf prasarana dan liputan telekomunikasi bagi memastikan penduduk luar bandar di Sarawak, khususnya di kawasan Selangau mendapat capaian jalur lebar yang terbaik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah dan sedang mempertingkatkan infrastruktur komunikasi di Sarawak dan Parlimen Selangau termasuklah di kawasan pedalaman dan luar bandar, melalui pelaksanaan inisiatif JENDELA Fasa 1 (2020-2022) dan Fasa 2 (2023-2025) di mana capaian jaringan dan liputan internet sedang diperluaskan secara berperingkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat suku ketiga tahun 2022, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Sarawak telah meningkat kepada 84.68% berbanding 73.67% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020. Manakala, peratusan liputan 4G di kawasan berpenduduk di Parlimen Selangau telah meningkat kepada 52.28% berbanding 28.14% sebelum pelaksanaan JENDELA pada suku kedua 2020.

Bagi meningkatkan akses capaian internet secara menyeluruh di Sarawak, setakat suku keempat 2022, sebanyak 90,840 premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap melebihi daripada 115,287 yang dirancang. Selain itu, sebanyak 3,546 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G, manakala baki sebanyak 43 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada 3,589 yang dirancang. Kementerian juga telah menyiapkan 158 menara baharu dan dalam proses menyiapkan baki 684 menara daripada sejumlah 842 menara yang dirancang. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

Kementerian telah mempercepatkan penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui teknologi satelit di 523 lokasi di kawasan pedalaman di Sarawak yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023 di dalam JENDELA Fasa 2 yang berjaya disiapkan sepenuhnya di dalam JENDELA Fasa 1 pada tahun 2022.

## SOALAN NO: 42

Di Parlimen Selangau pula, setakat suku keempat tahun 2022, sebanyak 570 premis telah siap dengan ketersediaan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap, melebihi daripada 419 yang dirancang. Selain itu, sebanyak 123 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf sepenuhnya kepada teknologi 4G, manakala satu alat pemancar lagi dijangka akan siap menjelang suku keempat 2023. Kementerian juga telah merancang sebanyak 44 buah menara baharu, di mana empat buah menara telah pun siap setakat suku keempat 2022, manakala baki 40 buah menara lagi dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri melalui *Sarawak Multimedia Authority* (SMA) dan *Sarawak Digital Economy Corporation* (SDEC) telah mewujudkan inisiatif *Sarawak Linking Urban, Rural and Nation* (SALURAN) dalam usaha untuk memperluaskan perkhidmatan internet di Sarawak. Di bawah inisiatif SALURAN, Kerajaan Negeri telah mewujudkan projek pembinaan sejumlah 600 menara komunikasi baharu yang dikenali sebagai *Sarawak Multimedia Authority Rural Telecommunication* (SMART) Fasa 1 dan Fasa 2. Kesemua menara tersebut yang kini di pelbagai peringkat pelaksanaan disasar untuk disiapkan secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2023. Bagi Parlimen Selangau, sejumlah lima menara diperuntukkan di bawah SMART Fasa 1 dan 35 menara diperuntukkan di bawah SMART Fasa 2.

Kerjasama dari agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan seperti Jabatan Tanah dan Survei, *Civil Aviation Authority of Malaysia* (CAAM) dan Pihak Berkuasa Tempatan amat diperlukan bagi mempermudah proses yang melibatkan kelulusan tapak projek berkaitan perkhidmatan komunikasi, termasuk pengenaan kos dan fi yang munasabah. Kerjasama ini penting bagi mengelak kelewatan projek yang akan secara langsung memberi impak sosial dan ekonomi kepada rakyat yang bergantung kepada perkhidmatan internet.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 07 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN KALAM BIN SALAN [ SABAK BERNAM ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah susulan, pantas dan paling berkesan ekoran peningkatan barang keperluan utama rakyat yang terus naik seperti tiada harapan untuk turun harga.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Menangani kos sara hidup secara tuntas dan menyeluruh merupakan satu usaha berterusan dan panjang. Kos sara hidup bukan hanya masalah ekonomi tetapi terdapat cabaran yang melibatkan pelbagai dimensi termasuklah yang bersifat struktural. Dalam hubungan ini, inisiatif yang dirangka oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri akan menumpukan kepada strategi serampang dua mata iaitu:

- (a) menangani kenaikan harga barangan dan perkhidmatan; dan
- (b) meningkatkan pendapatan rakyat.

Ini adalah kerana secara realitinya kos sara hidup timbul kerana kuasa beli rakyat tidak dapat menampung perbelanjaan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Titah Diraja semasa pembukaan Penggal Kedua Parlimen Kelima Belas pada 13 Februari 2023 juga menyentuh semangat insan serta inisiatif RAHMAH dan DAYA yang mampu membawa perubahan dalam memberikan jaringan perlindungan sosial dan seterusnya membendung isu kos sara hidup.

Inisiatif RAHMAH di bawah perancangan jangka pendek yang diambil oleh KPDN adalah Program Payung Rahmah bagi membantu terutamanya kumpulan berpendapatan rendah untuk mendapatkan barangan keperluan asas. Program ini telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada awal bulan ini. Terdapat lima (5) inisiatif di bawah program ini :

- i. **PERTAMA : Bakul Rahmah** iaitu inisiatif yang menyasarkan sumbangan berbentuk bakul makanan (keperluan harian) bernilai RM100. Barangan keperluan yang dikenalpasti adalah beras, gula, minyak masak, tepung, susu pekat, mihun dan telur yang akan disumbangkan oleh rakan strategik kepada kumpulan miskin tegar secara berterusan pada setiap bulan. Program ini bukan hanya akan menyediakan bantuan barangan tetapi juga peluang

pekerjaan bagi mereka yang layak;

- ii. **KEDUA : Jualan Rahmah** iaitu inisiatif program jualan murah sepanjang tahun 2023 oleh pasaraya besar dan pasaraya. Untuk tujuan ini KPDN akan memberi permit Notis Jualan Murah (NJM) bagi Jualan Rahmah sehingga maksimum 4 bulan berbanding 1 bulan pada masa sekarang;
- iii. **KETIGA : Pakej Rahmah** iaitu inisiatif yang menyokong Jualan Rahmah yang mana pasaraya besar dan pasaraya menyediakan beberapa barangan keperluan asas berbentuk pakej. Barangan keperluan dalam pakej berkenaan adalah bernilai RM70 namun pakej tersebut akan dijual kepada pengguna pada harga RM50 sahaja;
- iv. **KEEMPAT : Kafe Rahmah** yang bertujuan untuk menyediakan makanan yang dijual pada harga yang berpatutan kepada penuntut IPTA serta memberikan hidangan makanan percuma kepada penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dari keluarga berpendapatan rendah; dan
- v. **KELIMA : Menu Rahmah** yang sedang hangat diperkatakan sekarang iaitu inisiatif pengusaha-pengusaha makanan secara sukarela untuk menawarkan makanan pada harga RM5 bagi setiap hidangan. Menu Rahmah bertujuan untuk memastikan terutamanya golongan berpendapatan rendah mendapat akses kepada pilihan harga yang mampu bayar.

KPDN akan meneruskan program sedia ada yang memberi impak tinggi dalam membantu kos sara hidup rakyat iaitu Program Penyeragaman Harga tujuh (7) barangan asas iaitu beras putih, gula, minyak masak 1kg, tepung gandum, LPG, petrol RON95 dan diesel supaya bekalan barangan tersebut sampai kepada penduduk di kawasan luar bandar/ pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada harga kawalan sama dengan kawasan bandar melalui subsidi pengangkutan yang dibayar Kerajaan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

KPDN juga mengorak langkah dalam inisiatif jangka masa sederhana dan panjang melalui inisiatif DAYA supaya kumpulan sasar

Kementerian dapat menjaga pendapatan di dalam sektor perdagangan dan pengedaran. Melalui program baharu yang dikenali sebagai **Rezeki Suri**, akan memberi peluang kepada suri rumah untuk menambahkan pendapatan dengan menjalankan perniagaan bahan keperluan asas dari rumah.

KPDN juga akan meneruskan **Program Pembangunan Francais Mikro dan Francais Mampu Milik** bagi membantu golongan M40 dan B40 menjadi usahawan dengan menceburi bidang francais. Memandangkan potensi dan pendapatan besar yang boleh disumbangkan oleh bidang francais kepada pendapatan rakyat dan negara maka KPDN turut memohon peruntukan yang lebih besar bagi program ini untuk tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH  
(INDERA MAHKOTA)**

**TARIKH** : **7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' SRI SAIFUDDIN ABDULLAH [ INDERA MAHKOTA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mencadangkan elemen-elemen dan perkara-perkara khusus dalam Reformasi Parlimen. Adakah Kerajaan akan mencadangkan proses perundingan yang inklusif bagi merealisasikan agenda reformasi tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya dan untuk memastikan pelaksanaan inisiatif reformasi institusi yang komprehensif, Pasukan Khas mengenai Reformasi Institusi yang dipengerusikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) telah ditubuhkan pada Januari 2023 bagi meneliti, mengkaji dan mencadangkan Reformasi Institusi termasuk mekanisme pelaksanaan reformasi tersebut bagi pertimbangan Jemaah Menteri. Bengkel Reformasi Institusi telah diadakan pada 17 Januari 2023 melibatkan Agensi Kerajaan dan kumpulan Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang memberi fokus kepada reformasi perundangan dan institusi Negara. Siri libat urus bersama-sama Kementerian/Jabatan/Agensi berkepentingan akan diteruskan bagi memuktamadkan cadangan reformasi institusi yang ingin dilaksanakan sebelum dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

2. Pada tahun 2018, suatu Jawatankuasa Reformasi Institusi (Institutional Reform Committee – IRC) telah ditubuhkan bagi membantu Majlis Penasihat Kerajaan (Council of Eminent Persons – CEP) yang berperanan untuk menasihati Kerajaan dalam bidang ekonomi, kewangan dan lain-lain perkara dalam tempoh 100 hari pertama peralihan Kerajaan. Suatu laporan akhir telah disediakan dan dikemukakan kepada Kerajaan. Input-input yang diutarakan dalam laporan ini turut akan diambilkira dalam cadangan reformasi institusi yang bakal dilaksanakan.

3. Selain itu, Kerajaan turut berhasrat mewujudkan sistem dan pengurusan pilihan raya yang berlandaskan prinsip-prinsip demokrasi yang diterima oleh semua pihak sebagai “Bebas, Adil dan Telus”. Oleh demikian, Electoral Reform Committee (ERC) telah diwujudkan

## SOALAN NO : 44

semenjak 2018 untuk meneliti cadangan penambahbaikan sistem dan pengurusan pilihan raya di Malaysia bersama semua pemegang taruh. Selanjutnya, suatu Jawatankuasa Khas Kabinet telah diwujudkan pada tahun 2022 untuk meneliti syor-syor ERC untuk pertimbangan Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

4. Kerajaan juga komited dalam pelaksanaan reformasi institusi Parlimen dengan mewujudkan semula perkhidmatan Parlimen bagi merealisasikan hasrat pengasingan kuasa di antara Badan Legislatif dan Badan Eksekutif. Pada ketika ini, Kerajaan sedang mengkaji keperluan untuk menggubal Akta Perkhidmatan Parlimen untuk menjadikan perkhidmatan Parlimen yang berasingan daripada perkhidmatan awam. Beberapa perkara dasar berhubung penggubalan Akta Perkhidmatan Parlimen akan dimuktamadkan sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

5. Dalam masa yang sama, bagi menyesuaikan dengan persekitaran dan keadaan semasa, Kerajaan juga sedang meneliti untuk meminda Majlis Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 [Akta 347]. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kadar denda yang diperuntukkan di dalam Akta ini yang tidak pernah dipinda sejak ia digubal pada tahun 1952 dan juga istilah-istilah lapuk dan terma yang perlu dipinda supaya relevan dengan keadaan masa kini.

6. Seterusnya, penambahbaikan dan pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] juga sedang dilaksanakan bagi memperkasakan akta tersebut dan merealisasikan visi Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 untuk mewujudkan negara bebas rasuah.

7. Kerajaan Perpaduan memandang serius agenda reformasi institusi ini dan akan mengambil tindakan yang tuntas bagi merealisasikan agenda ini. Kerajaan akan memastikan sebarang reformasi yang dilaksanakan ini dengan mengambil kira pandangan semua pihak berkepentingan

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI  
[TITIWANGSA]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI (TITIWANGSA)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah penduduk miskin dan miskin tegar di Kuala Lumpur bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022 dan nyatakan perancangan Kerajaan bagi mengatasi masalah kemiskinan bandar raya ini.

**JAWAPAN****YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem eKasih adalah merupakan pangkalan data kemiskinan nasional yang bersifat dinamik. Berdasarkan sistem eKasih, jumlah penduduk miskin dan miskin tegar di Kuala Lumpur bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Miskin Tegar</b>	<b>Miskin</b>	<b>Jumlah Kemiskinan</b>
<b>2018</b>	771	1,502	2,273
<b>2019</b>	1,048	2,871	3,919
<b>2020</b>	996	1,810	2,806
<b>2021</b>	3,858	4,545	8,403
<b>2022</b>	2,173	3,874	6,047

Sumber: Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU, JPM)

2. Merujuk kepada trend data eKasih dari tahun 2018 hingga 2022, terdapat peningkatan mendadak dengan anggaran sebanyak empat kali ganda jumlah penduduk miskin dan miskin tegar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) pada tahun 2020 dan 2021. Salah satu faktor signifikan yang menyebabkan peningkatan mendadak ini adalah kerana Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) per kapita baharu yang digunapakai, iaitu berdasarkan PGK Per Kapita 2019.

3. Manakala, data kemiskinan dari tahun 2018 hingga 2020 adalah berdasarkan kepada PGK Per Kapita 2016. Kementerian Ekonomi dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menetapkan PGK yang baharu, setelah kerajaan mengkaji semula metodologi pengiraan berasaskan pola perbelanjaan isi rumah berpendapatan rendah. PGK per kapita adalah jumlah pendapatan keseluruhan isi keluarga sebulan dan ia dibahagikan dengan jumlah ahli isi rumah.

## SOALAN NO : 45

4. Bagi memastikan data eKasih tuntas dan berintegriti, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) sentiasa melaksanakan pemutihan data bersama ICU JPM serta agensi pemberi bantuan seperti Majlis Agama Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pemutihan data ini adalah penting bagi mengelakkan ketirisan dan memastikan hanya individu yang benar-benar layak dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar berada dalam pangkalan data eKasih.

5. Kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai program sejak sekian lama bagi mengatasi masalah kemiskinan bandar raya ini dan telah menerapkan konsep pembangunan Malaysia MADANI dalam pelaksanaannya. Justeru, inisiatif-inisiatif kemiskinan bandar yang direncana tidak terhad kepada peningkatan pendapatan semata-mata tetapi wajar juga melibatkan kesejahteraan dari segi kesihatan, pendidikan, perumahan dan taraf kehidupan.

6. Sehubungan itu, JWP telah melaksanakan pelbagai program antaranya seperti Jualan Rakyat MYGrocer@Wilayah, MyMedic@Wilayah, MyFood@Wilayah dan MyJob@Wilayah. Program-program ini sangat membantu warga WPKL mendepani isu kenaikan kos sara hidup, peluasan akses kepada perkhidmatan kesihatan, menambahbaik keupayaan isi rumah memperolehi hak untuk mendapatkan makanan dan meningkatkan penawaran peluang pekerjaan.

7. Sesungguhnya, JWP bersama agensinya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Perbadanan Labuan (PL) sentiasa komited dalam usaha mencapai sifar miskin tegar selaras dengan sasaran kebangsaan iaitu pada tahun 2025. Manakala, Putrajaya telah berjaya mencapai sifar miskin tegar pada bulan Julai 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD  
DELI [JEMPOL]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa status terkini projek perumahan Projek Generasi Baharu FELDA (PGBF) yang masih belum siap di kawasan Palong 7 dan 8 serta Palong 14, 15 dan 16.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek perumahan yang dibina dalam Parlimen Jempol ialah perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) di Tanah Rancangan FELDA Palong 8 (Tapak 1 sebanyak 71 unit dan Tapak 2 sebanyak 229 unit), Palong 12 (150 unit) dan Palong 14, 15 dan 16 (210 unit) serta Projek Sentuhan Kasih (100 unit).

2. Status kemajuan kerja pembinaan di Tapak Pertama Palong 8, ialah 68% dengan kerja pembaikan bangunan, kerja pemasangan kabel elektrik dalam rumah, bingkai tingkap dan pintu, kerja longkang, mengecat, sanitari serta kerja infrastruktur luaran seperti kolam takungan, jajaran paip air dan jalan. Penyiapan kerja sehingga menerima Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) dijangka seawal Oktober 2024. Manakala Tapak Kedua di Palong 8 kerja pembinaan telah dimulakan semula pada bulan November 2022 dan dijangka siap sepenuhnya dengan CCC pada Mac 2024.

3. Projek PGBF di Palong 12, pihak pengurusan FELDA sedang dalam proses untuk melantik perunding profesional bagi membuat permohonan kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dan kelulusan Pelan Bangunan untuk tapak berkenaan. Sehubungan itu, tapak tersebut telah dicadangkan dalam permohonan peruntukan melalui Rancangan Penggal Ke-4 (RP4) dalam RMKe-12 (tahun 2024).

4. Palong 14, 15 dan Palong 16 adalah satu gugusan yang mana terdapat dua projek pembangunan iaitu 210 unit PBGF dengan status terkini dimasukkan dalam *Request for Purchase* (RFP), manakala 100 unit Projek Sentuhan Kasih, kerja-kerja permohonan kelulusan KM kepada Majlis Daerah Jempol telah dikemukakan untuk ulasan dan maklumbalas. Tender dirancang akan diiklankan pada bulan Mac 2023 dan Surat Perintah Kerja untuk skop kerja penyiapan dijangka akan dikeluarkan kepada kontraktor pada Jun 2023. Projek dijangka siap pada tahun berikutnya.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM TUAN MAN  
[KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 07 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [ KUBANG KERIAN ]** minta **KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perincian insentif berkaitan kenderaan elektrik yang disediakan oleh Kerajaan sebagai langkah untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau (GHG).

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan aktiviti pembangunan ekosistem EV, termasuk pengeluaran EV dan komponen kritikal EV. Insentif yang ditawarkan merangkumi pengecualian cukai langsung dan tidak langsung. Bagi cukai langsung, Kerajaan menawarkan pengecualian cukai pendapatan melalui Galakan Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan sehingga 100% bagi tempoh sehingga 10 tahun untuk menggalakkan pelaburan dalam pengeluaran EV dan komponen kritikal berkaitan seperti bateri, motor dan lain-lain. Bagi insentif cukai tidak langsung seperti duti import, duti eksais dan cukai jualan, Kerajaan dalam Belanjawan 2023 telah pun bersetuju memberi lanjutan tempoh pengecualian sepenuhnya duti atau cukai tidak langsung bagi EV seperti berikut:

- i. Tempoh pengecualian sepenuhnya duti import, duti eksais dan cukai jualan ke atas EV yang dipasang secara tempatan secara dilanjutkan dua (2) tahun lagi menjadikan tempoh keseluruhan adalah enam (6) tahun, sejak bermula pada 1 Januari 2022 dan tamat pada 31 Disember 2027; dan
- ii. Tempoh pengecualian sepenuhnya duti import dan duti eksais ke atas EV *Completely Build Up* (CBU) import dilanjutkan juga dua (2) tahun, menjadikan keseluruhan adalah empat (4) tahun, bermula pada 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2025.

Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju supaya fi sebanyak RM10,000 yang dikenakan di dalam sistem AP Terbuka diberi pengecualian sepenuhnya selama setahun sehingga 31 Disember 2023, bagi tujuan pengimportan EV CBU terpakai dan baharu melalui sistem ini.

Bagi mendorong penggunaan (*demand*) EV dalam negara, Kerajaan turut menawarkan insentif secara langsung kepada pemilik EV seperti berikut:

- i. Pengecualian sepenuhnya cukai jalan bagi EV sama ada yang dipasang secara tempatan atau diimport, selama empat (4) tahun sehingga 31 Disember 2025; dan

## SOALAN NO : 47

- ii. Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 bagi kos pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau yuran langganan kemudahan pengecasan EV untuk tahun taksiran 2022-2023.

Bagi mengukuhkan ekosistem industri EV dan merencanakan lagi penggunaan EV, Kerajaan juga menawarkan insentif baharu di bawah Belanjawan 2023 seperti berikut:

- i. Pengecualian sepenuhnya cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun mulai tahun taksiran 2023 hingga tahun taksiran 2032 dan layak Elaun Cukai Pelaburan 100% untuk pengurangan cukai pendapatan sehingga 100% bagi tempoh lima (5) tahun bagi aktiviti pengilangan *EV Charging Equipment*; dan
- ii. Potongan cukai kepada syarikat yang menyewa EV dengan jumlah maksimum amaun sewaan yang layak dihadkan tidak melebihi RM300,000, berbanding RM100,000 sebelum ini.

Di samping itu, insentif yang ditawarkan Kerajaan juga tidak terhad kepada aktiviti pembuatan atau pengilangan, dan import EV CBU. *Green Investment Tax Allowance (GITA)* dan *Green Income Tax Exemption (GITE)*, yang ditawarkan untuk aktiviti perkhidmatan hijau (*green services*) termasuk penyediaan infrastruktur pengecasan EV telah ditawarkan oleh Kerajaan sejak tahun 2014 bagi permohonan yang diterima oleh *Malaysian Investment Development Authority (MIDA)* sehingga 31 Disember 2023 untuk tempoh galakan selama tiga (3) tahun.

Insentif-insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan diharap akan menjadi pemangkin ke arah pembangunan ekosistem industri EV secara keseluruhannya. Dengan meningkatnya penggunaan EV, langkah ini dapat mengurangkan intensiti pelepasan GHG dan seterusnya membantu Malaysia mencapai status negara neutral karbon menjelang tahun 2050 seperti digariskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA]**  
**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [ POKOK SENA ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini Jawatan Kuasa Pasukan Petugas Khas berhubung isu perundangan Batu Puteh.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**  
**(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pasukan Petugas Khas Semakan Undang-Undang Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan (dikenali sebagai PPK) telah tamat tempoh berkhidmatnya pada 30 Ogos 2022. PPK ini telah menyempurnakan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang telah ditetapkan dalam terma rujukan yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri ketika itu dengan membentangkan laporan akhir melalui Memorandum Jemaah Menteri pada 7 Oktober 2023. Laporan PPK ini disediakan secara mendalam, komprehensif dan terperinci dari semua aspek agar sebarang tindakan susulan Kerajaan berkaitan isu ini memberikan impak yang positif kepada negara.

2. Kemudiannya, pada 14 Disember 2023 Nota Jemaah Menteri bertajuk “Laporan Pasukan Petugas Khas Semakan Undang-Undang Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah Dan Tubir Selatan” telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri mengambil kira pembentukan Kerajaan baharu selepas pembubaran Parlimen pada 10 Oktober 2022. Susulan itu, Memorandum Jemaah Menteri telah dibentangkan ke Jemaah Menteri berhubung syor-syor dan hala tuju Kerajaan berhubung perkara ini pada 11 Januari 2023.

3. Disamping itu, Sesi Menghadap Takzim DYMM Tuanku Sultan Johor Berkaitan Laporan Akhir PPK Semakan Undang-Undang Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah Dan Tubir Selatan telah diadakan oleh Kerajaan Persekutuan pada 26 Januari 2023. Seterusnya, pada 8 Februari 2023, Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Kertas Putih mengenai isu Kedaulatan Batu Puteh dibentangkan di Mesyuarat Parlimen. Ini mengambil kira isu kedaulatan negara adalah amat serius dan Kerajaan perlu mengambil tindakan atas kehilangan kedaulatan wilayah negara. Susulan itu, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri sedang mengambil tindakan sewajarnya untuk penyediaan Kertas Putih tersebut untuk dibentangkan di Mesyuarat Parlimen pada sesi kali ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AHMAD FAKHRUDDIN BIN FAKHRURAZI  
[KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah *ranking* dunia seperti QS dan THE yang disertai oleh universiti-universiti Malaysia mempengaruhi tahap pencapaian universiti dan kemenjadian siswazah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mengambil pendirian bahawa ranking tidak seharusnya dijadikan matlamat terpenting sesebuah universiti.
2. *Ranking* antarabangsa pada masa ini seperti QS dan THE adalah lebih menjurus kepada hasil penyelidikan.
3. Ini bermakna bahawa faktor-faktor penting seperti kualiti pengajaran dan pembelajaran, peranan dan keupayaan universiti untuk membantu pelajar yang kurang bernasib baik, komitmen universiti terhadap misi dan agenda nasional mahupun usaha memastikan kemenjadian seseorang siswazah tidak menjadi pemberat utama atau diambil kira secara mendalam di dalam sistem *ranking*.

## NO. SOALAN: 49

4. Oleh itu, *ranking* universiti dunia boleh disifatkan sebagai hanya salah satu daripada pengukur yang dipantau oleh Kementerian ini dalam usaha meningkatkan pencapaian pelajar dan institusi pengajian tinggi kita.

5. Malah, pendekatan sebegini mula menjadi pilihan di peringkat antarabangsa oleh universiti-universiti terkemuka dunia.

6. Pada November 2022 misalnya, Universiti Harvard (Fakulti Perubatan) dan Universiti Yale (fakulti undang-undang) telah mengumumkan bahawa mereka akan menarik diri daripada menyertai *ranking* U.S. News & World Report rankings.

7. Kedua-dua institusi tersebut berpandangan yang *ranking* berkenaan menggunakan metodologi yang tidak selari dengan hasrat universiti itu untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan dan menggalakkan graduan berkhidmat dengan perkhidmatan awam yang mempunyai gaji yang lebih rendah.

8. Dalam konteks pencapaian universiti dan kemenjadian pelajar, kedudukan ranking bukanlah faktor yang menjadi pertimbangan besar. Sebaliknya, kualiti program yang diambil, kemahiran dan kematangan pelajar sering menjadi pertimbangan yang lebih besar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [ PADANG  
BESAR ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [ PADANG BESAR ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh mana peranan dan tindakan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor (CIA) dalam mendepani pelabur asing dan juga projek berimpak tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua

Pihak Berkuasa Koridor ditubuhkan dengan objektif untuk mempercepat pembangunan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi bagi menangani ketidakseimbangan wilayah.

Selaras dengan inisiatif yang digariskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Pihak Berkuasa Koridor di lima (5) Koridor Ekonomi Wilayah akan menumpukan kepada usaha mempercepat pembangunan berasaskan nod pertumbuhan utama dan kawasan titik tumpuan. Ini termasuk mengalakkan usaha dalam menarik pelaburan berkualiti dengan menawarkan pakej insentif bersesuaian, melaksanakan projek-projek yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta menambah baik ekosistem perniagaan.

Inisiatif-inisiatif ini akan dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan di wilayah berkenaan dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat.

Melalui inisiatif pembangunan yang dilaksanakan, kelima-lima Koridor Ekonomi Wilayah telah merekodkan jumlah pelaburan komited sebanyak **RM113.33 bilion** dengan jumlah pelaburan direalisasi sebanyak **RM63.22 bilion**. Pelaburan ini turut menjana sebanyak **214,888** peluang pekerjaan dan **48,973** peluang keusahawanan di Koridor Ekonomi Wilayah bagi tahun 2021 hingga 2022 bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Kerajaan akan terus memberi perhatian dalam meningkatkan usaha bagi menggalakkan perancangan pembangunan wilayah yang terselaras dan bersepadu melalui kerjasama yang lebih baik dengan agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri termasuklah Pihak Berkuasa Koridor.

Usaha ini dilaksana bagi memastikan keberkesanan dan fungsi Pihak Berkuasa Koridor di lima koridor ekonomi wilayah dalam memacu pertumbuhan melalui usaha berterusan dalam menarik lebih banyak pelaburan berkualiti yang dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan. Inisiatif ini akan mewujudkan sinergi pembangunan yang bersepadu dan menangani keperluan pembangunan wilayah secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH  
[ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH [ LANGKAWI ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan projek-projek mega yang akan diberhentikan bagi memberi laluan kepada projek-projek kecil yang memberi kesan kepada rakyat miskin tersisih.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak berhasrat untuk memberhentikan mana-mana projek yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan. Bagi mendapat *value for money* terbaik kepada negara, terdapat projek mega di mana Kerajaan merunding semula terma bagi membolehkan pelaksanaan dengan kos yang lebih berkesan. Ini termasuk projek Laluan Rel Pantai Timur atau ECRL.

Pelaksanaan projek-projek kecil dan membasmi kemiskinan terus menjadi keutamaan Kerajaan selaras dengan konsep Malaysia Madani. Pada tahun 2022, Kementerian Ekonomi telah menyediakan peruntukan sebanyak RM147.1 juta bagi melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR). Usaha bagi membasmi kemiskinan tegar akan terus dilaksanakan selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan isirumah miskin tegar melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) makanan 2019 dan seterusnya mencapai sasaran kemiskinan tegar sifar pada akhir tahun 2025. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN  
BIN KU ISMAIL [ KUBANG PASU ]**

**TARIKH : 7 MAC 2023 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini projek pembinaan Masjid Changlun di Bukit Kayu Hitam yang tertangguh sekian lama dan bilakah kerja-kerja pembinaannya akan disambung semula.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI  
(MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH,  
SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS))**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kontraktor asal telah ditamatkan pada 21 November 2022 berikutan prestasi kerja kontraktor yang perlahan dan tidak menunjukkan komitmen untuk menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Kemajuan fizikal projek semasa ditamatkan adalah sebanyak 20% berbanding jadual sebanyak 100%.

2. Susulan daripada penamatan kontraktor, ICU JPM sedang melaksanakan penilaian semula projek tersebut bagi mendapatkan kos baharu projek dan kelulusan tersebut tertakluk kepada status semasa kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.